


Jilid II
Bil. 46



Hari Isnin
5hb November, 1984

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM

Sixth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 6601]

ISI UCAPAN DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 36 [Ruangan 6638]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1985 [Ruangan 6640]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1985 [Ruangan 6640]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL**, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD**, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, **DATO MUSA HITAM**, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **DATO' DR NEO YEE PAN**, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya, **DATO' S. SAMY VELLU**, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, **Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL**, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH**, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, **TAN SRI CHONG HON NYAN**, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, **DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG**, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, **DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK**, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, **DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ**, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD**, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, **DATUK SERI SANUSI BIN JUNID**, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Pelajaran, **DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

- Yang Berhormat Menteri Penerangan, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM, S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).

- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP-MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok)

Yang Berhormat DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S., (Batang Lupar).

- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).

- Yang Berhormat DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N.,
P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N.
(Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T.
(Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN,
D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM,
D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P.,
S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J.,
P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P.
(Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N.
(Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K.,
A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,
P.J.K., (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M.
(Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P.
(Balik Pulau).

Yang Berhormat TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

- „ TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Isnin, 5hb November, 1984

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

PEMBEDAHAN JANTUNG—
HASIL KEJAYAAN

1. **Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Kesihatan menyatakan jumlah bilangan pembedahan jantung terbuka dan tertutup, dari segi yang berjaya dan tidak berjaya, yang dibuat oleh Hospital Besar, Kuala Lumpur dan Hospital Universiti sehingga akhir bulan Ogos, 1984; bilangan kes yang menunggu pembedahan dan apakah langkah yang diambil untuk menambah keperluan kakitangan di Unit Cardio-thoracic di Hospital Besar Kuala Lumpur bagi menampung ramai pesakit.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, saya suka memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa Jabatan Cardio-thoracic di Hospital Besar Kuala Lumpur telah memulakan perkhidmatannya pada 6-4-1982. Sejumlah 495 pembedahan jantung terbuka dan 237 pembedahan jantung tertutup telah dijalankan di Jabatan tersebut mulai dari tarikh itu sehingga 31-8-1984. Dalam tempoh ini terdapat hanya 6 kes kematian (iaitu 1.2%

kematian) dalam pembedahan jantung terbuka. Tiada kematian berlaku dalam pembedahan jantung tertutup.

Di Hospital Universiti Petaling Jaya, dalam tempoh yang sama, sebanyak 319 pembedahan jantung terbuka dan 238 pembedahan jantung tertutup telah dijalankan. Dalam tempoh ini terdapat 13 kes kematian dalam pembedahan jantung terbuka dan tertutup. Sebelum 6-4-1982, sebanyak 591 pembedahan jantung terbuka dan 1,231 pembedahan jantung tertutup telah dijalankan di Hospital Universiti Petaling Jaya.

Bilangan kes-kes yang menunggu pembedahan di Hospital Besar Kuala Lumpur:

Pembedahan Jantung Terbuka	440
Pembedahan Jantung Tertutup	123

Mengenai kakitangan di Unit Cardio-thoracic di Hospital Besar, Kuala Lumpur, saya suka memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa pada masa ini terdapat 3 orang Pakar Pembedahan Cardio-thoracic. Langkah-langkah sedang diambil untuk melatih lebih ramai lagi doktor dan kakitangan perubatan yang lain dalam bidang ini sebagai satu usaha berterusan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan, berapakah bayaran yang dikenakan bagi seorang yang berkehendakkan pembedahan jantung ini dan apakah

pihak Kerajaan mengamalkan untuk bayaran percuma kepada mereka yang tidak mampu dan daripada jumlah yang dikenakan ini, berapa ramaikah atau berapa banyak yang dijalankan oleh Kementerian ini atau pihak Universiti Hospital dan juga Hospital Besar Kuala Lumpur yang memberi perkhidmatan percuma kepada orang-orang yang tidak mampu.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, pada biasanya sejauh ini kebanyakan kes yang dikendalikan oleh Hospital Besar Kuala Lumpur adalah dijalankan secara percuma. Yang lain adalah dikenakan bayaran wad dan bayaran pembedahan yang biasa. Saya dimaklumkan bahawa bayaran yang maksima untuk kes-kes seperti ini adalah lebih kurang \$2,000.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa terdapat ramai pesakit jantung yang menunggu pembedahan, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa adalah tidak cukup pakar untuk mengendalikan Unit Cardio-thoracic ini dan adakah pihak Kementerian yang berkenaan bercadang untuk misalnya mendapatkan bantuan daripada sektor swasta untuk mengatasi berbagai-bagai masalah. Di samping itu juga suka saya mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan apakah yang telah berlaku tentang cadangan pihak Kerajaan yang telah mengumumkan tidak lama dahulu mengenai penubuhan satu pusat jantung kebangsaan.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, perkara cukup tidak cukup kemudahan untuk pembedahan jantung adalah tertakluk lebih kepada kemudahan-kemudahan pembedahan (Operation Theatre) dan kakitangan yang dikehendaki sebagai para-medic dan bukan sahaja kepada Pakar-pakar Pembedahan (Cardio-thoracic Surgeons).

Pada masa ini kita mempunyai 3 orang Pakar Pembedahan Jantung dan ini adalah dianggap memadai dalam konteks kemudahan-kemudahan yang kita punyai sekarang. Jika kita berkehendakkan lebih lagi kes-kes dikendalikan, terpaksa kita mengadakan operation theatre, ICU dan sebagainya yang lebih luas. Pada masa ini perkara itu tidak diteruskan di Hospital Besar Kuala Lumpur, tetapi mencantumkan kemudahan-kemudahan yang terdapat di Universiti Hospital dan Hospital Besar Kuala Lumpur saya rasa kemudahan-kemudahan yang terdapat dan kakitangan yang terdapat adalah memadai di dalam keadaan permintaan pada masa ini.

Mengenai Pusat Jantung Kebangsaan yang dicadangkan itu saya rasa cadangan itu adalah satu yang didatangkan oleh badan-badan sukarela seperti Rotary dan sebagainya dan saya diberitahu bahawa perkara itu masih diteruskan.

PERUSAHAAN KAYU NEGARA

2. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan bagaimanakah kemelesetan ekonomi dunia telah menjejaskan perusahaan perikanan di negara ini. Berapakah kilang papan dan lain-lain yang berasaskan kayu yang telah ditutup dan berapa ramai pekerja yang hilang pekerjaan. Apakah langkah-langkah mengatasi masalah ini.

15-11-1984

3. Tuan Omar bin Haji Abdullah minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan berapa banyakkah kilang-kilang papan yang telah terpaksa ditutup akibat kemelesetan ekonomi dunia. Berapa ramaikah pekerja-pekerja yang terlibat dan apakah

tindakan Kementerian untuk memulihkan keadaan pasaran kayu bergergaji dan papan lapis Malaysia.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab soalan serentak dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Tampin yang dijadualkan pada 15hb November ini kerana kedua-duanya ada persamaan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, saya benarkan.

Dato' Paul Leong Khee Seong: Tuan Yang di-Pertua, kemelesetan ekonomi dunia berlaku dalam tahun 1981 dan 1982 di mana beberapa buah negara mengalami kadar pertumbuhan yang negatif. Negara-negara maju telah mengalami kemerosotan yang terburuk sejak kemelesetan besar tahun 1930an. Kemelesetan yang buruk ini yang disertai oleh kadar faedah yang tinggi dan pengangguran yang besar telah menjejaskan permintaan industri pembinaan dan perumahan terhadap keluaran-keluaran kayu seperti balak, kayu gergaji, papan lapis veneer dan kayu kumai.

Mengenai papan lapis pasaran dunia telah juga dijejaskan oleh pengeluaran yang berlebihan oleh negara pengeluar papan lapis yang lain. Walaupun pada tahun 1983 berlaku pemulihan ekonomi seperti di Amerika Syarikat umpamanya ekonomi dunia belum pulih sepenuhnya pada masa ini. Selain daripada kekurangan permintaan akibat kemelesetan ekonomi dunia ada juga faktor-faktor lain yang telah menyebabkan beberapa kilang kayu gergaji dan papan lapis veneer memberhentikan operasinya di negara kita iaitu masalah bekalan balak dan kenaikan kos pengeluaran. Daripada 667 buah kilang kayu gergaji dan 40 kilang lapis di Semenanjung Malaysia bilangan kilang yang telah memberhentikan

operasinya sejak 1981 hingga kini adalah 110 buah kilang kayu gergaji dan sebuah kilang papan lapis veneer.

Seramai 3,810 orang telah kehilangan pekerjaan akibat pemberhentian operasi kilang kayu gergaji dan 89 orang akibat pemberhentian operasi kilang papan lapis veneer.

Walau bagaimanapun, pemberhentian operasi kilang-kilang pemberhentian operasi kilang-kilang ini adalah sementara kerana sehingga kini tidak ada sebuah kilang pun yang telah diserahkan balik atau dibatalkan lesennya.

Bagi mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh perusahaan kayu kayan tersebut Kerajaan telah menjalankan langkah-langkah berikut:

- (1) Menghantar misi-misi perdagangan ke luar negeri bagi meningkatkan penjualan keluaran-keluaran kayu Malaysia di negara-negara tersebut dan memperkenalkan kayu kayan Malaysia di pasaran-pasaran baru.
- (2) Bagi melindungi pasaran dalam negeri daripada ancaman perlambakan papan lapis dari negara-negara pengeksport yang lain, baru-baru ini Kerajaan telah menaikkan duti eksport papan lapis daripada 25% kepada 45%.
- (3) Kerajaan juga menggalakkan penubuhan kilang-kilang yang memproses lanjut kayu gergaji dan papan lapis.

Dalam hubungan ini pada tahun 1983 Kerajaan telah mengecualikan duti import ke atas alat-alat jentera yang digunakan oleh industri berasas kayu. Selain daripada itu, Kerajaan juga menjalankan kegiatan penyelidikan dan

pembangunan untuk menemui kegunaan-kegunaan baru kayu-kayu Malaysia serta proses-prosesnya.

Usaha-usaha ini selain daripada akan meninggikan nilai tambahan daripada keluaran kayu akan juga memperbanyakkan peluang-peluang pekerjaan.

- (4) Menggalakkan kilang-kilang papan dan papan lapis memproses kayu-kayu yang kurang terkenal dan berukuran kecil termasuklah kayu getah supaya dengan itu masalah kekurangan bekalan balak dapat diatasi. Kerajaan juga sedang mengaturkan untuk membawa masuk balak daripada Sabah dan Sarawak ke Semenanjung Malaysia manakala eksport balak berukuran 41 centimeter ke atas daripada Semenanjung Malaysia diharamkan mulai 1hb Januari tahun hadapan.

- (5) Mengamalkan sistem pengurusan pemilihan atas prinsip pengeluaran berkekalan di dalam penebangan hutan supaya bekalan balak pada jangka panjang adalah terjamin.

Di samping itu Kerajaan juga meningkatkan usaha-usaha rawatan sivilkultra ke atas kawasan hutan yang telah ditebang dan menjalankan projek Ladang Hutan Kompensatori untuk menanam pokok-pokok yang cepat membesar.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri tadi mengatakan bahawa daripada 567 kilang kayu gergaji sebanyak 110 yang

telah ditutup. Jadi, saya ingin tahu daripada 110 yang ditutup ini berapakah kepunyaan bumiputera.

Kedua, Yang Berhormat Menteri tadi juga telah menyatakan langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi masalah ini.

Kayu-kayu yang bermutu eksport ini telah pun dijejaskan oleh kemelesetan ekonomi. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian beliau supaya kayu-kayu yang bermutu eksport ini dapat dipasarkan dengan lebih laris lagi dalam pasaran tempatan.

Dato' Paul Leong Khee Seong: Tuan Yang di-Pertua, saya belum mendapat data berhubung dengan kehilangan bumiputera di 110 buah kilang kayu gergaji tetapi saya akan memberitahu Ahli-ahli Yang Berhormat bila saya mendapat data ini.

Saya telah memberi tahu Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk mempertahankan harga kayu-kayan di pasaran dunia. Adalah baik jikalau industri pembinaan tempatan boleh menggunakan kayu-kayan daripada kilang-kilang ini. Tetapi bilangan ini adalah kecil kerana negara kita sedang mengeksport kebanyakan kayu-kayan ke luar negeri.

Saya harap pada masa akan datang negara-negara perindustrian boleh mendapat kebanyakan kayu-kayan dari Malaysia bila mereka boleh mendapat pemulihan ekonomi yang baik.

FARDU HAJI—PERISTIWA MALANG

3. **Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa peristiwa-peristiwa malang yang menimpa bakal-bakal Haji kita

yang pergi tidak melalui Lembaga Urusan dan Tabung Haji berlaku tiap-tiap tahun. Jika sedar, apakah tindakan beliau bagi mengatasi perkara ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Puan Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya jawapan kepada soalan tersebut telah pun dijawab pada 30hb Oktober, 1984 semasa menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa.

Walau bagaimanapun, saya ingin menambah, bagi mengatasi masalah itu langkah-langkah berikut telah diambil:

- (1) Menasihatkan semua rakyat Malaysia yang hendak menunaikan fardu Haji supaya pergi melalui Lembaga Urusan dan Tabung Haji sahaja.
- (2) Meminta kerjasama Kerajaan Arab Saudi supaya Kedutaan-kedutaannya di Kuala Lumpur atau di negara-negara lain tidak mengeluarkan Visa Haji kepada rakyat Malaysia yang hendak menunaikan fardu Haji secara bersendirian, kecuali kepada penuntut-penuntut atau para Diplomat Malaysia, atau keluarga mereka yang bermastautin di negara-negara berkenaan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, walaupun Kerajaan tidak memberi visa atau tidak membenarkan jemaah Haji persendirian, tetapi masih terdapat 2,000 lebih yang pergi menunaikan fardu Haji dengan bersendirian. Jadi apakah pihak Kerajaan dapat memberi kerjasama kepada mereka yang benar-benar hendak pergi menunaikan fardu Haji tetapi

ditangkap kerana tidak ada visa, supaya tidak dihantar balik tetapi diteruskan mereka itu menunaikan fardu Haji, selepas itu biarlah mereka balik kerana dari segi hasratnya untuk pergi menunaikan Haji sebagai seorang Islam, sampai di Tanah Suci tetapi tidak dapat menunaikan fardu Haji kerana peraturan-peraturan yang ada. Jadi bolehkah pihak Kerajaan menahan supaya mereka itu jangan dihantar balik tetapi terus menunaikan Haji; kepada mereka yang benar-benar, bukan mereka yang hendak pergi berkempen?

Puan Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dalam perkara ini Tabung Haji bersedia memberikan segala bantuan untuk menjalankan perjalanan, yakni mendapatkan visa dan sebagainya, yang mana ramai dari mereka yang terkandas kita telah menolong menyelesaikan masalah dan Tabung Haji tidak keberatan untuk mengelolakan pemergian mereka dan cuma dikehendaki melalui Tabung Haji dan mereka tidaklah terikat dengan Tabung Haji.

Usaha-usaha ini sebagaimana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat, insya Allah akan saya sampaikan kepada Lembaga Urusan dan Tabung Haji bagi diambil tindakan.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebahagian daripada mereka yang pergi menunaikan fardu Haji melalui urusan sebuah syarikat persendirian, adakah benar mereka ini juga telah didedahkan dengan ceramah-ceramah politik di tempat-tempat tertentu di negara Arab?

Yang kedua, adakah benar telah berlaku juga bahawa mereka ini selain daripada pergi menunaikan fardu Haji, dibawa pergi melancong seperti ke Mesir dan di sana mereka juga telah diberitahu bahawa Kerajaan Malaysia ini samalah seperti Kerajaan

Fir'aun apabila jemaah-jemaah ini dibawa ke satu kawasan iaitu kawasan di mana pusat pelancongan yang ada pyramid?

Yang ketiga, adakah Kerajaan akan mengambil tindakan kepada syarikat persendirian yang berkenaan kerana dikatakan banyak melakukan penyelewengan ke atas jemaah-jemaah yang menunaikan fardu Haji melalui syarikat tersebut?

Puan Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, yang pertama berkenaan urusan sebuah syarikat persendirian mengadakan ceramah-ceramah di tempat-tempat yang tertentu, ini memang ada dimaklumkan kepada kita iaitu umpamanya jemaah-jemaah Haji yang dikelolakan oleh pihak PAS, mereka memang ada mengumpulkan orang-orang mereka dan memberikan ceramah-ceramah tetapi yang kita tahu ialah ceramah-ceramah yang disampaikan itu berkenaan dengan hukum-hukum dan aturan-aturan mengerjakan Haji dan lain-lainnya, dan tidaklah pula kami diberitahu sama ada ceramah-ceramah politik telah disampaikan pada masa itu.

Yang kedua, berhubung dengan pelancong-pelancong yang dibawa ke Mesir serta mencaci pihak Kerajaan, sekiranya kami menerima maklumat-maklumat yang tepat dan betul, nescaya tindakan akan diambil.

Yang ketiga, berhubung dengan tindakan ke atas syarikat-syarikat persendirian yang melakukan perkara-perkara yang menyeleweng terhadap jemaah-jemaah Haji, beberapa tindakan telah pun diambil terhadap mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Omar bin Abdullah.

(Soalan No. 4 Y.B. Tuan Omar bin Abdullah tidak hadir).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan.

(Soalan No. 5 Y.B. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan tidak hadir).

HUBUNGAN PERDAGANGAN DI SEMPADAN MALAYSIA/ THAILAND

6. Tuan Hassan bin Haji Mohamed minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah usaha-usaha yang telah dilakukan untuk memulihkan kembali hubungan baik perdagangan di batas sempadan Malaysia-Thailand dan mengelakkan dari berlaku pergaduhan seperti apa yang berlaku di Bukit Kayu Hitam, di pekan Danok dan lain-lain kerana ini akan merugikan kepentingan rakyat sempadan kedua buah negara.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, pihak berkuasa Malaysia dan Thailand sedang berusaha bersama-sama bagi memulihkan kembali hubungan baik perdagangan dan seterusnya mengelakkan dari berlakunya sebarang pergaduhan di batas sempadan kedua-dua buah negara.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu apakah punca-punca berlakunya pergaduhan di pekan Danok, adakah ini merupakan sebagai satu sabotaj perniagaan dan adakah rancangan Kerajaan untuk mengadakan pekan bersama di kawasan-kawasan sempadan di antara Malaysia dengan Thailand?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya telah jelaskan di dalam Dewan yang mulia ini beberapa hari dahulu, bahawa pihak Polis Malaysia dan pihak Polis Thailand telah pun

bekerjasama dan menyasiasat perkara yang berlaku di pekan Danok, dan puncanya bukanlah kerana satu sabotaj perdagangan dan seterusnya, tetapi adalah oleh sebab dua tiga orang warganegara kita dan dua tiga orang warganegara Thai yang tidak bertanggungjawab. Walau bagaimanapun, sepertimana yang telah saya maklumkan juga, kedua-dua negara telah pun berusaha bersama-sama untuk menggelakkan berlakunya keadaan yang sedemikian rupa di pekan-pekan lain yang terdapat di negara kita.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, baru-baru ini satu mesyuarat tahunan telah pun diadakan di Kuala Lumpur yang dikenali sebagai General Border Council di mana berbagai-bagai masalah telah pun dibincangkan dan akan diatasi.

PENAGIH DADAH MENGHIDU GAM

7. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat minta Menteri Kesihatan menyatakan sejauh manakah kebenaran berita bahawa ramai penagih-penagih dadah yang kehabisan dadah menghidu (mencium) bau gam sebagai ganti dadah, adakah semua gam yang digunakan sekarang mengandungi dadah dan sejauh manakah bahaya gam itu kepada orang ramai.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, mengikut maklumat-maklumat yang ada setakat ini tidaklah benar berita yang menyatakan ramai penagih-penagih dadah yang kehabisan dadah melakukan perbuatan menghidu gam sebagai ganti kepada dadah. Menghidu gam tidaklah dapat dianggap sebagai satu perbuatan mengganti dadah oleh penagih-penagih dadah apabila kehabisan dadah. Mereka yang dikesan terlibat dengan perbuatan menghidu gam ini

setakat ini adalah terdiri dari belia-belia di bawah umur 18 tahun yang masih lagi berada di bangku sekolah.

Mengikut kajian, perbuatan ini adalah berpunca dari rasa ingin tahu atau mencuba-cuba di kalangan mereka yang terlibat, akibat dari pergaulan dengan rakan sebaya atau kekurangan pengawasan dan pengawalan dari ibu bapa atau penjaga.

Gam-gam yang digunakan sekarang tidak mengandungi sebarang dadah seperti heroin, morfin, ganja dan sebagainya, tetapi ianya mengandungi beberapa jenis bahan-bahan pelarut (solvents) seperti "toluene" dan "hexane" yang diperlukan untuk memproses gam. Bahan-bahan ini mempunyai bau, yang mana jika sekiranya dihidu akan menimbulkan rasa seronok atau, dengan izin, "high". Kesan-kesan dari penghiduan bahan-bahan tersebut ialah seperti pening kepala, bersini, batuk, mengeluarkan banyak air liur, ketidak seragaman otot-otot seperti percakapan yang terketar-ketar dan berjalan terhoyong-hayang, menjadikan seorang itu tidak waras dan tidak sedarkan diri. Jika perbuatan menghidu gam itu dilakukan secara berlebihan atau berterusan ia boleh membawa kepada maut.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Lim Liang Seng.

(Soalan No. 8 Y.B. Tuan Lim Liang Seng tidak hadir).

JALANRAYA TITI SERONG/ PARIT KASA KE TANJONG PIANDANG

9. Tuan Abdul Rahman bin Suliman minta Menteri Kerjaraya menyatakan adakah Menteri sedar jalanraya dari Titi Serong ke Tanjong Piandang, dari Parit Kasa ke Tanjong Piandang di dalam kawasan Parlimen Parit Buntar

tersangat teruk rosaknya dan telah menjejaskan pengangkutan awam serta melibatkan banyak kemalangan. Jika sedar, bilakah jalan-jalan ini akan diperbaiki semula.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Zainal Abidin bin Zin): Tuan Yang di-Pertua, jalanraya dari Titi Serong ke Tanjong Piandang dan jalanraya dari Parit Kasa ke Tanjong Piandang adalah jalanraya-jalanraya Negeri. Kerosakan yang berlaku di jalanraya-jalanraya yang berkenaan itu adalah disebabkan oleh kenderaan-kenderaan yang digunakan bagi menjalankan rancangan-rancangan pembangunan yang dijalankan oleh Jabatan Parit dan Taliair di kawasan yang berkenaan itu. Sementara itu kerosakan-kerosakan yang berlaku ini adalah sentiasa diperbaiki oleh Kerajaan Negeri dari masa ke semasa. Kerajaan berharap akan mengemaskinikan jalanraya-jalanraya itu setelah projek-projek Krian/Sungai Manik, pembangunan ini dapat diselesaikan kelak.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa sebahagian daripada jalan yang saya timbulkan di dalam soalan asal adalah merupakan jalan sempadan yang mana digunakan oleh penduduk-penduduk negeri Pulau Pinang dan negeri Perak. Tetapi jalan ini diselenggarakan oleh Kerajaan Negeri Perak. Sekiranya Kerajaan Negeri Perak membuat permohonan untuk dijadikan jalan ini jalan Persekutuan? Kedua, saya ingin tahu apakah kriteria-kriteria yang dipakai oleh Kementerian bagi menjadikan sesebuah jalan negeri itu jalan Persekutuan?

Tuan Yang di-Pertua: Saya fikir kedua-dua soalan itu tidak berbangkit daripada soalan asal.

Tuan Zainal Abidin bin Zin: Saya bersetuju Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Chan Kok Kit: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu sama ada pegawai-pegawai Jabatan Kerjaraya sentiasa memeriksa keadaan jalanraya-jalanraya supaya diperbaikinya sebelum orang ramai komplek.

Tuan Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, pegawai-pegawai JKR sentiasa memeriksa jalan ini. Dalam masa mereka bertugas dan selepas daripada itu kemungkinan berlaku kerosakan, adalah menjadi kewajipan kepada rakyat untuk memberitahu kepada pihak JKR bagi memperbaiki jalanraya-jalanraya yang berkenaan. Sungguhpun demikian dalam keadaan cuaca yang tidak seimbang ini, kemungkinan berlaku perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

MAS—HUBUNGAN DENGAN NEGARA TIMUR TENGAH/ASIA BARAT

10. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pengangkutan sama ada pihak MAS membuat sebarang rancangan untuk mengadakan hubungan dua hala mengenai penerbangan dengan mana-mana negara di Timur Tengah dan Asia Barat. Jika ya, sila butirkan negara-negara manakah yang terlibat dengan hubungan dua hala itu.

Timbalan Menteri Penerang (Puan Hajjah Rahmah binti Othman). Tuan Yang di-Pertua, sejajar dengan dasar Kerajaan bagi mengadakan hubungan dua hala yang rapat dengan negara-negara Timur Tengah dan Asia Barat, kita pada masa ini telah pun mempunyai perjanjian udara dengan beberapa buah negara yang

berkenaan di rantau tersebut. Negara-negara yang mempunyai perjanjian udara dengan Malaysia ialah Saudi Arabia, Kuwait, Jordan, Iraq, Iran dan Labanon. Selain dari itu MAS juga mempunyai permit untuk mengadakan penerbangan ke Dubai dan Bahrain daripada pihak berkuasa kedua buah negara berkenaan. Dengan adanya perjanjian tersebut, maka boleh MAS mengadakan penerbangannya ke negara-negara tersebut dan juga syarikat-syarikat penerbangan negara-negara itu boleh mengadakan penerbangan ke Malaysia.

Sungguhpun demikian, pada masa ini MAS belum lagi mengadakan perkhidmatan ke semua negara tersebut kerana operasi sedekian perlu dirancang mengikut permintaan trafik dan keupayaan MAS mengendalikannya. Untuk makluman Yang Berhormat, MAS sekarang ini mempunyai perkhidmatan ke Jeddah dan Dubai. MAS juga pada masa yang lalu telah mengadakan perkhidmatan ke Kuwait tetapi oleh sebab-sebab ekonomi operasi perkhidmatan tersebut telah ditamatkan sementara baru-baru ini dan diadakan melalui Dubai sahaja.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan hubungan dua hala MAS ke Mesir dan ke negara-negara Utara Afrika pada masa ke hadapan?

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Insya Allah, Yang Berhormat.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan, sebagaimana yang kita tahu kita mengadakan hubungan dua hala. Tetapi nampaknya kita sahaja menghala ke sana tetapi kapal terbang

mereka tidak menghala ke sini. Apakah ini mereka tidak mahu atau tidak cukup penumpang-penumpang daripada negara mereka untuk datang ke negara kita?

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, bukannya mereka tidak datang tetapi masalah trafik, masalah bilangan penumpang yang tidak mencukupi. Pada masa sekarang ini ada penerbangan datang daripada sana tetapi merupakan penerbangan kargo sahaja.

Tuan Chan Kok Kit: Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu sama ada mengadakan penambahan hala baru MAS adakah untuk mencari wang semata-mata atau memuaskan permohonan sebahagian daripada rakyat dan apakah hala penerbangan MAS yang merugikan?

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tolong ulang balik soalan nombor satu tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Ulang pertama dan kedua, yang ketiga tidak bersangkutan dengan soalan ini. Ulang yang pertama dan kedua sahaja.

Tuan Chan Kok Kit: Sama ada keadaan penambahan hala baru MAS adakah untuk mencari wang semata-mata atau memuaskan permohonan sebahagian daripada rakyat dan apakah hala penerbangan MAS yang merugikan?

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, segala yang Kerajaan buat pada hari ini adalah untuk kepentingan dan minat rakyat. MAS juga menjalankan usaha-usaha ini adalah untuk kepentingan rakyat dan minta rakyat untuk hendak menjalankan sesuatu dan soal hala tadi. Soalan Yang Berhormat tadi, hala yang dimaksudkan, saya pun tidak tahu hala ke mana yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu.

HUTANG LUAR NEGARA

11. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Kewangan menyatakan mengapa perlu untuk menambah hutang luar dalam cara yang begitu drastik yang kebanyakan terdapat dengan kadar faedah pasaran sehingga pada penghujung tahun 1983 ianya berjumlah kira-kira \$31 juta dan telah diambil atas tempoh 3 tahun yang pendek iaitu 1980-1983 yang mana adalah satu hutang luar 3 kali ganda dan apakah rancangan yang telah dibuat untuk servis kadar yang tinggi dan pembayaran balik (repayment) pokok yang setengahnya sampai tempoh awal-awalnya tahun berikutan selepas tahun hadapan, iaitu 1986.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, pertambahan yang besar dalam pinjaman Kerajaan dalam dua tiga tahun kebelakangan ini adalah disebabkan oleh kemelesetan ekonomi dunia yang telah menjejaskan hasil Kerajaan negara kita. Walaupun hasil berkurangan, Kerajaan terpaksa meneruskan pelaksanaan projek-projek yang telah dirancang. Walau bagaimanapun bermula dari pertengahan tahun 1982, langkah penjimatan telah diambil dan pertambahan dalam pinjaman telah dapat dikawal. Langkah penjimatan ini masih diteruskan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk membayar balik hutang-hutang ini, Kerajaan kita tidak menghadapi masalah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, nisbah bayaran balik hutang luar negeri Kerajaan Persekutuan kita adalah dijangka dalam lingkungan 5.5% atau 5.6% bagi tahun 1984. Nisbah ini adalah rendah jika dibandingkan dengan nisbah negara-negara lain terutama negara-negara yang sedang membangun.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri angka mengenai jumlah pinjaman luar negeri yang akan dicapai dalam tahun ini?

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya ada angka, bagi tahun ini hutang Kerajaan Persekutuan sehingga 30hb Jun tahun ini ialah sebanyak \$54,476 juta. Ini termasuk hutang dari dalam dan hutang dari luar negeri.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa pinjaman-pinjaman daripada luar negeri itu 80%nya terdiri daripada pinjaman pasara iaitu dengan kadar faedah yang tinggi dan 80% daripadanya Amerika Syarikat yang mempunyai kadar faedah yang tinggi. Adakah Yang Berhormat sedar ini akan merugikan negara ini dengan adanya beban yang lebih tinggi. Dan adakah sedar Yang Berhormat bahawa jika dibandingkan dengan KNK (Keluaran Negara Kasar) pinjaman-pinjaman di luar negeri itu adalah sejajar ataupun serupa dengan pinjaman-pinjaman negara-negara jiran dan sebagainya.

Dato' Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang yang ingin membuat hutang sama ada orang persendirian atau negara kita, kalau boleh, hendak membuat pinjaman dengan kadar faedah yang rendah. Malah kalau boleh tidak ada faedah langsung, kalau boleh lagi tidak payah bayar hutang itu. Tetapi ini jarang-jarang berlaku, maka itu sebagai yang hendak meminta hutang terpaksa juga menerima syarat-syarat yang dikenakan oleh peminjam.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita membuat hutang atau membuat pinjaman daripada luar negeri berdasarkan wang pasaran terbuka (open market) maka sudah tentulah kita terpaksa dikenakan bayaran yang

agak sama dengan keadaan faedah di negara berkenaan. Maka itu cuba seberapa sebanyak yang boleh membuat pinjaman melalui negara-negara sahabat dengan pinjaman yang rendah faedahnya. Tetapi kita tidak mahu membuat pinjaman yang rendah faedahnya sekiranya kita terpaksa terikat dengan sebab pinjaman tadi seperti kadangkala kita membuat pinjaman dengan kadar faedah yang rendah tetapi wang yang digunakan, wang yang ada pada kita tadi terpaksa digunakan untuk membeli barang-barang tertentu ataupun daripada syarikat-syarikat tertentu. Ertinya ada ikatan yang menyusahkan kita.

PASUKAN POLIS DI-RAJA MALAYSIA—MUTU PERKHIDMATAN

12. Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk meninggikan lagi mutu khidmat dan prestasi Pasukan Polis Di-Raja Malaysia sejajar dengan kemahuan masyarakat di masa ini dan masa hadapan.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan bangga dengan kemampuan tahap pencapaian dan prestasi perkhidmatan Polis Di-Raja Malaysia dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab serta memelihara keselamatan dan ketenteraman Negara. Kerajaan sentiasa menitikberatkan ketinggian peribadi, semangat berkhidmat, kebajikan dan sikap amanah anggota-anggota Polis dalam usaha meninggikan lagi mutu dan prestasi perkhidmatan mereka.

Anggota-anggota Polis diberi latihan-latihan dibidang kepakaran, pendidikan kepolisan dan pembangunan kerohanian. Disiplin anggota-anggota dikawal dengan tegas bagi memelihara etika kepolisan.

Tenaga kerja baru dipilih sewajarnya secukup dengan aspirasi dan kehendak kepolisan. Kenaikan pangkat dan rancangan gantian diatur sewajarnya supaya dorongan bekerja meningkat ke paras yang lebih membanggakan.

Syarat-syarat perkhidmatan dan gaji disemak dari masa kesemasa bagi menambahkan motivasi. Peralatan-alatan moden disediakan oleh Kerajaan sesuai dengan keperluan supaya perkhidmatan Polis sentiasa cekap dan berkesan. Kerajaan juga telah memperuntukkan belanjawan yang besar kepada Polis Di-Raja Malaysia.

Sungguhpun keadaan kewangan negara tidak mengizinkan pasukan ini melaksanakan sepenuhnya rancangan dan program kepolisan tetapi dengan kebijaksanaan menggunakan sumber-sumber yang ada, mutu dan prestasi Polis Di-Raja Malaysia masih kini boleh dibanggakan. Kerajaan yakin bahawa Polis Di-Raja Malaysia dapat mengekalkan dan meningkatkan lagi imej dan prestasinya di masa hadapan.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bilakah Pasukan Polis Berkuda Malaysia akan mula menjalankan operasinya terutamanya di Kuala Lumpur dan sekiranya berjaya apakah Pasukan Polis Berkuda ini akan diperkenalkan di bandar-bandar yang besar di dalam Malaysia.

Soalan yang kedua, adakah Pasukan Polis kita sekarang kalangan orang-orang bukan bumiputera telah mula memberi sambutan yang baik.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Pasukan Unit Berkuda adalah di dalam rancangan untuk ditubuh dan enam ekor kuda telah pun berada di negara kita. Insya Allah dalam masa tidak berapa lama lagi Pasukan Unit Berkuda ini akan tertubuhlah. Dan jika terdapat bahawa Pasukan Unit Berkuda ini

memuaskan dalam segi perkhidmatannya untuk mengawal orang ramai dan seterusnya, kita akan tambah, jika perlu.

Tentang sambutan orang bukan bumiputera dalam Pasukan Polis, saya ingin menyatakan di sini bahawa mengikut apa yang kita kehendaki, sambutan ini tidaklah begitu menggalakkan. Saya berharaplah mereka yang bukan bumiputera supaya tampil kehadapan apabila kita mengadakan operasi untuk mengisi kekosongan.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa kebanyakan daripada pihak Polis di peringkat konstabel di Sarawak adalah ahli-ahli Pasukan Polis yang dihantar daripada Semenanjung Malaysia yang mereka tidak menunjukkan sikap yang begitu sesuai, yang begitu berbudi bahasa dan akibatnya adalah gangguan di antara pihak Polis dengan penduduk-penduduk, orang ramai di Sarawak. Jika beliau sedar, apakah langkah-langkah yang diambil untuk memberi kursus orientasi khas supaya konstabel-konstabel itu dapat menjalankan tugas mereka dengan lebih berkesan.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, memang pihak Kerajaan sedar bahawa bukan sahaja terdapat segelintir Pasukan Polis di Sarawak, bahkan juga di Semenanjung, yang tidak menjalankan tugas mereka dengan begitu berkesan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sepanjang tahun 1983 bilangan anggota Polis yang mana tindakan tatatertib diambil terhadap mereka adalah sebanyak 4,783 orang. Dan jika terdapat maklumat-maklumat yang betul dan tepat, saya berharaplah pihak Yang Berhormat boleh menghubungi pihak

Kementerian dan saya berani memberi janji di sini bahawa tindakan yang tegas akan diambil terhadap mereka yang menyeleweng atau tidak menjalankan tanggungjawab dengan baiknyanya. Pihak Polis sentiasa memberi kursus demi kursus supaya meninggikan lagi mutu perkhidmatan kakitangan Polis Di-Raja Malaysia.

Wan Mohamad Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri Pasukan Polis Berkuda tadi adakah hendak ambil orang yang lama ataupun orang yang baru kerana ada didapati banyak orang berlatih naik kuda sekarang ini.

Yang kedua, saya hendak bertanya adakah Polis ini sama ada Polis Trafik atau Polis biasa dikecualikan daripada undang-undang jalanraya. Misalnya, dia boleh potong di double line, no entry boleh lalu ataupun bolehkan dia naik motosikal lenggang lenggok di celah-celah dengan deras. Kalau boleh tidak apalah, kalau tidak boleh, saya rasa ini tidak mengikutlah "Kepimpinan Melalui Teladan."

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya terangkan tadi, Pasukan Polis Berkuda ini akan ditubuhkan dan anggotanya terpaksa terdiri daripada anggota Polis yang sedia ada dan jika kita memerlukan kepakaran dari segi menjaga kuda dan untuk menunggang kuda, kita mungkin akan menambahkan satu dua orang.

Dan bersangkutan dengan soalan yang kedua, memanglah ternyata sekali bukan sahaja kepada Ahli Yang Berhormat tetapi juga kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini terdapat segelintir Pasukan Polis yang bertugas menjaga lalulintas dan seterusnya yang bersikap tidak begitu menonjolkan "Kepimpinan Melalui Teladan." Saya mohon mendapat

maklum balas daripada Yang Berhormat dan juga daripada mana-mana pihak supaya tindakan dapat diambil terhadap mereka, sebab adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk melihat bahawa Pasukan Polis kita betul-betul melambangkan pasukan yang cekap di mana kepercayaan rakyat terjamin.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, adakah Timbalan Menteri berkenaan sedar pada 22-4-1982 atas arahan Sultan Johor masa itu polis ada memberkas dua orang ahli kerabat Di-Raja Pahang serta dua orang lain, dan keempat-empat orang ini ada berdepan dengan seorang Inspektor dan pegawai-pegawai lain dihentam di Istana Iskandariah oleh Sultan Johor, sekarang Yang di-Pertuan Agong dan juga Tengku Mahkota pada masa itu. Adakah Timbalan Menteri yang berkenaan sedar; jikalau sedar, adakah itu satu gambaran yang baik oleh pihak polis yang kami ingat bersikap bertanggungjawab.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat tadi 22hb, April

Tuan Karpal Singh: 22-4-1982 di Istana Iskandariah, Johor Bahru.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Memang kalau saya tidak salah 22-4-1982 itu ialah hari Pilihanraya Umum di negara kita.

Tuan Karpal Singh: 22-4-1982 pukul 12.30 pagi lebih kurang, masa hari itu juga.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab, saya ragu-ragu adakah tidak perkara ini berbangkit dengan Peraturan Mesyuarat kita 36 (8). Saya rasa tidak payahlah dijawab soalan itu.

RUMAH KOS RENDAH— PEMBINAAN

13. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) angka-angka sasaran di bawah Rancangan Malaysia Keempat untuk pembinaan rumah-rumah kos rendah di sektor awam dan swasta masing-masing di Malaysia, dan di negeri Sarawak;
- (b) apakah prestasi pembinaan rumah-rumah kos rendah setakat ini; dan
- (c) sila beri sebab-sebab terdapat kekurangan atau "shortfalls" dalam pembekalan rumah-rumah kos rendah di bawah berbagai rancangan Malaysia dan langkah-langkah yang diambil untuk menyelesaikan masalah tersebut.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar): Tuan Yang di-Pertua, sasaran rumah kos rendah di dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat bagi sektor-sektor awam dan swasta masing-masing berjumlah 176,500 unit dan 90,000 unit.

Sasaran bagi negeri Sarawak dalam sektor awam ialah 6,793 unit, manakala bagi sektor swasta tidak ditentukan sasarannya.

Setakat 31-12-1983 sebanyak 57,502 unit rumah kos rendah telah dapat disiapkan, daripada jumlah ini sebanyak 44,502 unit dibina oleh sektor awam dan 12,479 unit lagi dibina oleh pemaju swasta. Dengan mengambil kira keadaan kemelesetan ekonomi sekarang Kementerian telah menganggarkan hanya 50% daripada jumlah sasaran rumah awam kos rendah yakni 88,250 unit daripada sasaran 176,500 unit mungkin dapat disiapkan sehingga hujung tempoh

Rancangan Malaysia Keempat. Daripada angka ini sebanyak 57.2% telah pun siap dibina, manakala 24.1% adalah dalam peringkat binaan dan selebihnya sebanyak 18.7% adalah dalam peringkat pelaksanaan awal. Angka ini termasuklah rumah awam kos rendah yang dibina oleh Dewan Bandaraya, Kuala Lumpur.

Bagi sektor swasta pula Kementerian menganggarkan sebanyak 54% daripada jumlah sasaran rumah kos rendah yang dibina oleh pemaju swasta yakni 48,522 unit mungkin dapat disiapkan di dalam jangka masa yang sama daripada sasaran anggaran sebanyak 90,000 unit.

Bilangan rumah kos rendah yang telah siap dibina bertambah dari tahun ke setahun. Contohnya di dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga sebanyak 26,250 unit (35.7%) daripada sasaran telah dibina, manakala di dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat setakat 30-6-1984 sebanyak 50,497 unit (28.6%) telah siap dan dianggarkan sebanyak 88,250 unit (50%) daripada sasaran.

Kementerian telah mengenalpasti masalah-masalah yang menyebabkan pencapaian rumah kos rendah tidak begitu memuaskan di dalam tempoh rancangan-rancangan lima tahun yang lepas. Masalah-masalah yang telah dikenalpasti ialah:

- (i) penyertaan pemaju swasta untuk membina rumah kos rendah tidak begitu menggalakkan;
- (ii) sungguhpun Kerajaan menggalakkan penggunaan sistem pasang siap bagi projek perumahan awam kos rendah, hanya beberapa buah Kerajaan Negeri sahaja yang telah menerima cadangan untuk pembinaan ini; dan

- (iii) di dalam keadaan kemelesetan ekonomi sekarang prestasi perumahan awam kos rendah turut sama terjejas.

Untuk mengatasi masalah tersebut Kementerian sedang mengambil tindakan seperti berikut:

- (i) menggalakkan pemaju swasta membina lebih banyak rumah kos rendah;
- (ii) mengadakan skim pinjaman khas melalui bank-bank dan institusi-institusi kewangan bagi rumah yang berharga \$25,000 ke bawah;
- (iii) menggalakkan pelaksanaan projek rumah awam dengan menggunakan sistem perusahaan (industrialise) dengan menggunakan bahan binaan pasang siap untuk mempercepatkan pembinaannya;
- (iv) membenarkan sebahagian daripada projek rumah awam kos rendah dilaksanakan secara siap sedia (turnkey) untuk mempercepatkan pembinaannya;
- (v) menyediakan pelan seragam bagi rumah kos rendah yang boleh digunakan oleh pemaju swasta untuk mempercepatkan lagi kelulusan pelan rumah oleh penguasa-penguasa tempatan. Dan akhirnya memastikan supaya kelulusan yang berkaitan dengan permohonan tukar syarat dan pecah sempadan tanah diberi dalam masa tempoh 3 bulan oleh Kerajaan Negeri supaya benar-benar dapat dilaksanakan.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu berapa banyakkah permohonan di seluruh negara, anggaran sahaja

kalau boleh terhadap rumah-rumah kos rendah kerana ini boleh menunjukkan masalah berbanding dengan target.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya mengapakah di setengah-setengah negeri yang tanahnya untuk rumah kos rendah ada, tetapi peruntukannya tidak mencukupi sedangkan di setengah-setengah negeri yang diperuntukkan wang, tetapi tanahnya tidak siap dan tidak mencukupi. Jadi bagaimanakah perkara ini boleh diselaraskan oleh pihak Kementerian supaya peruntukan itu boleh diagihkan daripada masa ke semasa mengikut kesediaan Kerajaan-kerajaan Negeri menjalankan rumah kos murah.

Seterusnya saya ingin bertanya tidakkah Kerajaan hendak mengadakan satu skim di mana pihak-pihak bank dapat dipujuk supaya memberikan peruntukan yang lebih banyak lagi untuk menyokong rancangan rumah kos rendah dalam negara ini.

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan yang pertama tadi bilangan yang sebenarnya saya tidak dapatlah memberitahu kerana permohonan-permohonan ini adalah kepada Kerajaan Negeri, tetapi daripada apa yang kita dapat di pusat ataupun di pihak Kementerian, feed-back, dengan izin, daripada Kerajaan-kerajaan Negeri ialah bagi Rancangan Malaysia Keempat ini anggaran rumah kos rendah yang diperlukan adalah sebanyak 176,500 unit. Memangnyanya ada lebih banyak permohonan daripada rumah yang ada kerana maklum sahajalah sebagaimana Ahli Yang Berhormat mengetahui kehendak manusia ini lain daripada keperluannya dan ini adalah dua soalan, kehendak dan keperluan—kita perlu satu rumah, tetapi orang selalu hendak lebih daripada satu.

Berkenaan soalan yang kedua pula, di mana tanah-tanah untuk dibina rumah-rumah kos rendah ini ada dan juga di mana tapaknya ada, tetapi rumah tidak dapat dibina. Pada pendapat kami di Kementerian, kita ini bukannya agensi yang melaksanakan rumah-rumah kos rendah ini tetapi Kerajaan Negeri. Kadangkala tapak itu memang ada, Tuan Yang di-Pertua, tetapi masalahnya hendak ambil balik tanah-tanah ini daripada tuan punya tanah itu kadang-kadang mengambil masa yang agak lambat juga.

Berkenaan soalan yang ketiga tadi, sama ada Kerajaan hendak memujuk bank-bank, rasa saya ini terpulanglah kepada Bank Negara untuk berbuat demikian. Insya Allah, cadangan Ahli Yang Berhormat itu akan kita ambil kira.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri yang berkenaan bolehkah beliau mengatakan apakah definisi “rumah kos rendah” itu. Biasanya definisi \$25,000, tetapi untuk mencapai prestasi yang dianggarkan, beberapa pihak hendaklah membina rumah kos rendah tetapi harga mereka berbeza-beza. Contohnya, dengan izin, SEDC membina rumah tersebut dengan kos lebih daripada \$25,000, pihak swasta membina di bawah \$25,000, tetapi Majlis Perbandaran pun campur tangan membina lebih daripada \$25,000. Bolehkah pihak Kementerian beri satu definisi apakah rumah kos rendah dan mengapa rumah-rumah yang dibina oleh SEDC begitu mahal?

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah berkali-kali memberi definisi rumah kos rendah di dalam Dewan yang bertuah ini. Sekali lagilah saya akan memberi definisi rumah kos rendah.

Rumah kos rendah memang harganya telah ditetapkan oleh Kerajaan sebanyak \$25,000 satu unit dan keluasannya 600 kaki persegi dan berapa bilik dan sebagainya itu terpulanglah dengan kebijaksanaan perekabentuk itu. Sekiranya dia boleh membuat rumah yang lebih luas daripada 600 kaki persegi, alhamdulillah, lagi baik, tetapi harga memang Kementerian pada hari ini belum lagi hendak bercadang, hendak dinaikkan ataupun diturunkan. Kita memberi keluasan kerana ada pihak-pihak Kerajaan Negeri di mana mereka boleh membina rumah itu dengan menjualnya dengan harga \$22,000, misalnya Kerajaan Negeri Johor.

Berkenaan dengan soalan ada berbeza-beza kos rumah kos rendah ini, sebagaimana yang saya katakan tadi sekiranya harga tanah itu murah, jadi rumah pun turut kurang daripada \$25,000, tetapi kalau rumah itu harganya lebih daripada \$25,000 sudah tidak lagi masuk di dalam kategori rumah kos rendah, itu sudah termasuklah rumah kos sederhana ataupun rumah kos sederhana yang rendah.

Berkenaan pula, Tuan Yang di-Pertua, rumah harga mahal yang dibuat oleh SEDC, rasa saya itu terpaksa pihak SEDC untuk menjawabnya.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 4, 5, 8 dan 14 adalah diberi di bawah ini).

BAYARAN PERUNDING PROFESSIONAL LUAR NEGERI

4. Tuan Omar bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan berapa banyakkah wang negara telah

dibelanjakan bagi bayaran perunding kepada professional luar negeri. Memandangkan bayaran ini merupakan bayaran tidak terlihat (invisible imports) dan selaras dengan dasar "buy Malaysians" adakah Kerajaan bercadang untuk menghadkan khidmat professional luar negeri ini dan adakah pakar-pakar perunding tempatan cukup dari segi jumlah dan kemahiran untuk mengisi kekosongan itu. Dan adakah Kerajaan bersetuju sistem kontrak "package deal" atau "turnkey" yang diamalkan sekarang tidak menguntungkan pakar tempatan dan merupakan faktor utama kemasukan professional asing secara berleluasa.

Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri (Tuan Mustaffa bin Mohamad): Adalah menjadi dasar Kerajaan memberikan keutamaan kepada perunding-perunding tempatan dalam menyediakan perkhidmatan rekabentuk senibina (akitek), rekabentuk kejuruteraan (mekanikal, eletrical, awam dan struktur) dan jurukur bahan. Sehingga ini kita mempunyai sejumlah 335 buah perunding tempatan yang telah berdaftar dengan Unit Penyelarasan Pelaksanaan. Jenis perunding-perunding berkenaan adalah seperti berikut:

(a) Jurutera	139 firma
(b) Akitek	109 firma
(c) Jurukur Bahan	42 firma
(d) Juruhias Dalam	22 firma
(e) Senitanam (landscape)	3 firma
(f) Pelbagai (Perunding Pengurusan)	20 firma

Jumlah .. 335 firma

Dari segi jumlah perunding-perunding tempatan ianya adalah mencukupi untuk menjalankan kebanyakan daripada kerja-kerja yang terlibat. Tetapi di dalam beberapa bidang tertentu seperti kerja-kerja

rekabentuk pelabuhan, terowong, ampangan haidro, sistem pengangkutan moden, sistem gelombang mikro dan lapangan terbang masih terdapat kekurangan kepakaran perunding tempatan. Bagi menampung kekurangan kepakaran yang khusus itu maka pertimbangan akan diberi untuk membawa masuk kepakaran asing. Dalam hubungan ini mereka adalah diwajibkan bergabung dengan perunding tempatan yang ada kebiasaannya akan mengambil peranan sebagai perunding utama (lead consultant). Dipandang dari segi pemindahan teknologi, maka ini akan menguntungkan perunding tempatan kerana ianya membuka peluang kepada professional tempatan untuk mempelajari serta mempertingkatkan kepakaran dan kemahiran mereka dalam bidang-bidang yang khusus itu yang boleh digunakan bagi kerja-kerja yang serupa di masa hadapan di dalam dan di luar negeri.

Dalam tempoh masa 10 tahun yang lalu, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak \$202 juta bagi membayar perkhidmatan perunding luar negeri. Pecahan perbelanjaan mengikut jenis perkhidmatan adalah seperti berikut:

(a) Kajian Kemungkinan (Feasibility Study)	\$ 50 juta
(b) Kejuruteraan Terperinci (Detail Engineering)	67 juta
(c) Penyeliaan Pembinaan (Construction Supervision)	85 juta
Jumlah ..	<u>\$202 juta</u>

Jumlah ini merupakan 0.081% sahaja daripada jumlah perbelanjaan yang telah dibayar kepada perunding-perunding tempatan, iaitu sebanyak \$2,500,000 juta dalam tempoh masa yang sama. Pecahan kepada bayaran perunding tempatan adalah seperti berikut:

(a) Kajian Kemungkinan (Feasibility Study)	\$ 100 juta
---	-------------

(b) Kejuruteraan Terperinci (Detail Engineering)	900 juta
(c) Penyeliaan Pembinaan (Construction Supervision)	1,500 juta
Jumlah ..	<u>\$2,500 juta</u>

Berhubung dengan penggunaan sistem kontrak "package deal" atau "turnkey", ianya digunakan untuk projek-projek tertentu sahaja. Bagi kontrak-kontrak "turnkey" hendaklah menggunakan professional tempatan dalam menyediakan kerja rekabentuk dan penyeliaan pembinaan. Dengan ini professional tempatan dapat menggunakan peluang ini untuk mempertingkatkan kepakaran dan kemahiran mereka dalam kerja-kerja rekabentuk, penyeliaan pembinaan dan pengurusan projek.

RUMAH ORANG-ORANG MISKIN—BANTUAN

5. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan:

- (a) kenapakah bantuan-bantuan membuat atau memperbaiki rumah-rumah orang miskin diberi kepada orang-orang miskin yang mendapat bantuan bulanan sahaja sedangkan orang-orang miskin yang tidak mendapat bantuan bulanan pun masih ramai, adakah mereka itu patut diberi bantuan-bantuan membuat rumah atau memperbaikinya; dan
- (b) orang-orang miskin yang telah mendapat bantuan dengan kadar yang tertentu jika ia, orang miskin yang berkelamin tahun ke setahun ia mendapat anak hingga bertambahlah keluarga isi rumahnya adakah bantuan-bantuan itu ditambahkan; jika ia, adakah dengan perkiraan bilangan anak-anaknya atau bagaimana

dan bukannya ada baiknya jika diberi bantuan kain-kain lampin dan selimut atau belanja susu kepada bayi-bayi dalam penyusuan ibu.

**Menteri Kebajikan Masyarakat
(Dato' Abu Hassan bin Haji Omar):**

(a) Bantuan untuk memperbaiki rumah orang-orang miskin yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu adalah daripada peruntukan Kerajaan-kerajaan Negeri. Cuma beberapa buah negeri sahaja yang memberi bantuan kepada orang-orang miskin untuk membuat atau memperbaiki rumah mereka. Dasar dan kadar bantuan tersebut ditetapkan oleh Kerajaan Negeri masing-masing. Ada negeri-negeri yang memberi bantuan tersebut kepada orang miskin yang menerima bantuan bulanan sahaja tetapi ada setengah-setengah negeri lain memberi bantuan tersebut kepada semua orang miskin yang didapati memerlukan bantuan itu tertakluk kepada peruntukan yang disediakan. Mengenai sama ada patut atau tidak orang miskin yang memerlukan bantuan untuk membuat atau memperbaiki rumah mereka diberi bantuan bergantung kepada kedudukan kewangan di sesebuah negeri dan dasar yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri masing-masing.

(b) Bantuan yang diberi oleh Kerajaan itu mengikut kadar yang tertentu. Kiraan untuk menentukan jumlah bantuan yang patut diberi itu bukan sahaja berasaskan kepada bilangan ahli dalam sesuatu keluarga tetapi juga pendapatan keluarga dan lain-lain faktor. Jika sekiranya bilangan ahli

keluarga bertambah dan lain-lain faktor tidak berubah mungkin bantuan yang diberi itu akan ditambah tertakluk kepada maksima bantuan yang ditetapkan. Bantuan yang diberi itu berupa wang ringgit kerana ini akan memberi peluang kepada orang miskin membeli apa yang mereka perlukan.

**POLIKLINIK KESIHATAN
DI MALIM NAWAR/
JELAPANG**

8. Tuan Lim Liang Seng minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan sebuah poliklinik Kesihatan di Malim Nawar dan Jelapang di Kawasan Kinta:

- (a) jika ya, bila projek itu akan dilaksanakan; dan
- (b) jika tidak, apakah sebabnya.

Dato' K. Pathmanaban: Di Malim Nawar ada satu projek Pusat Kesihatan (Peringkat 1) yang telah diluluskan di dalam Rancangan Pembangunan Malaysia Keempat. Pada masa ini Kementerian Kesihatan baru sahaja mendapat sekeping tapak yang sesuai. Pembangunan bagi projek ini akan dimulakan tidak lama lagi.

Projek Pusat Kesihatan Jelapang di Kinta belum lagi diluluskan. Kementerian akan mengkaji keperluan membangunkan sebuah Pusat Kesihatan di situ. Sebuah Klinik Desa pada masa ini sedang memberi rawatan perubatan dan penduduk-penduduk yang sakit teruk boleh dirawat di Hospital Besar Ipoh yang jauhnya 5 batu sahaja dari tempat ini.

PINJAMAN TEMPATAN/ LUAR NEGERI

14. Tuan Ling Sie Ming minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah hutang negara yang perlu dibayar balik oleh Kerajaan bagi pinjaman tempatan dan asing, dan nyatakan sejak 1980 hingga sekarang, kadar tambahan tahunan bayaran hutang tersebut dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan hutang negara.

Dato Sabbaruddin Chik: Kedudukan bayaran balik pinjaman termasuk faedah bagi pinjaman tempatan dan luar negeri yang telah dibuat oleh Kerajaan Persekutuan bagi tahun 1980 hingga sekarang adalah seperti berikut:

	<i>Jumlah Bayaran Pokok dan Faedah (M\$ Juta)</i>	<i>Kadar Tambahan Tahunan</i>
1980	2,640	—
1981	3,091	17.1%
1982	4,130	33.6%
1983	5,517	33.6%
1984	5,528	0.2%

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30hb Jun, 1984 jumlah hutang Kerajaan Persekutuan ialah sebanyak \$54.5 ribu juta yang terdiri daripada \$19.0 ribu juta hutang luar negeri dan \$35.5 ribu juta hutang dalam negeri.

Kerajaan Persekutuan telah mengambil beberapa langkah positif untuk mengurangkan hutangnya. Pinjaman yang diperolehi oleh Kerajaan adalah untuk membiayai projek-projek pembangunan supaya dapat mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang stabil. Dalam pada itu Kerajaan juga telah mengkaji semula aktiviti dan program yang sedang dan akan dilaksanakan di mana projek-projek yang produktif sahaja diluluskan. Langkah ini akan terus

dilaksanakan sehinggalah kedudukan ekonomi pulih semula. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa berwaspada dan berhati-hati dalam menguruskan pinjamannya sama ada dari dalam atau luar negeri.

ISI UCAPAN DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 36

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya minta point of order 36 (8):

“Kelakuan atau sifat Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja Melayu atau Tuan-tuan Yang Terutama Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri atau Hakim-hakim dan lain-lain orang yang menjalankan keadilan mahkamah atau ahli-ahli Majlis Pasukan Bersenjata atau mana-mana Suruhanjaya Jawatan Kerajaan yang ditubuhkan menurut Bahagian X dalam Perlembagaan atau ahli-ahli Suruhanjaya Pilihanraya atau siapa-siapa jua Ketua Negara negeri-negeri yang bersahabat dengan Malaysia, tidak boleh disebutkan kecuali dengan dikeluarkan usul bersendirinya bagi maksud-maksud itu”.

Oleh kerana Wakil dari Jelutong telah mengeluarkan dengan berani soalan seperti tadi walaupun soalan itu tadi tidak dibenar jawab, tetapi sepatutnya soalan tadi ditarik balik, kalau tidak, pihak Dewan ini patut mengambil tindakan tatatertib kepada mereka yang melanggar peraturan, seolah-olah mereka ini tak tahu peraturan langsung.

Saya tidak mahu mengata dia ini kurang ajar atau apa, tetapi perkara ini tidak sepatutnya dilakukan

Tuan Karpal Singh (Jelutong):
(Bangun).

Tuan Yang di-Pertua: Cukup, saya ingat cukup!

Tuan Karpal Singh: On a point of order, Tuan Speaker.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah, jangan sambung. Ya.

Tuan Karpal Singh: Bila saya ada tanya soalan itu, Ahli Yang Berhormat tidak berani

Tuan Yang di-Pertua: Nanti! Yang Berhormat

Tuan Karpal Singh: Sekarang boleh

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh duduk!

Tuan Karpal Singh: Masa bila boleh? Sekarang, Tuan Speaker, ikut urusan

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat

Tuan Karpal Singh: Bukan satu personal statement atau kenyataan peribadi. Ikut aturan, terus kepada peringkat lain, bukan point of order selepas saya sudah tanya soalan itu dan selepas masa soalan sudah habis, tidak boleh!

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, saya akan timbang perkara itu

Tuan Karpal Singh: Lagipun, Tuan Speaker, apa yang ada dalam peruntukan itu "kelakuan". Jikalau kelakuan jenayah tidak masuk dan dalam fikiran saya apa yang jadi hari itu sikap Sultan Johor dan anaknya

Tuan Yang di-Pertua: Sudah cukuplah, saya ingat sudah cukup

Tuan Karpal Singh: jadi satu acara jenayah tidak masuk, boleh dibangkit

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat cukuplah. Saya akan memberi keputusan saya di atas perkara ini pada hari lain. Saya akan memikirkan sama ada satu-satu point of order itu boleh dikeluarkan selepas daripada perkara itu berbangkit dan adakah sama ada perkara ini sebagaimana Ahli dari Jelutong berkata itu, iaitu bersangkutan dengan kelakuannya dan saya akan beri keputusan.

Jikalau sekiranya saya memberi keputusan, saya akan membuat apa-apa tindakan, saya akan membuat apa-apa permintaan yang dikehendaki. Saya ingat pada masa sekarang benda ini biarkan begini dahulu sehingga saya memikirkan soal ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1985

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (2hb November, 1984).

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1985

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat

ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari \$7,653,524,924 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1985, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1985 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 25 tahun 1984, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut." (2hb November, 1984).

Perbahasan disambung semula.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bandar Kuching, sila sambung.

3.38 ptg.

Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching): Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menyambungkan ucapan saya pada hari Jumaat lalu, saya ingin membangkitkan dua perkara yang mungkin patutlah diberi perhatian Dewan yang mulia ini.

Yang Pertama, Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak DAP, saya sebagai Setiausaha Antarabangsa DAP ingin menyampaikan takziah kepada rakyat dan negara India atas kematian tragic Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mereka, Puan Indira Gandhi. Kematian yang amat tragic Puan Indira Gandhi adalah satu kehilangan besar bukanlah sahaja kepada rakyat dan Negeri India, bahkan kepada dunia bebas kumpulan komanwel, Kumpulan 77 dan semua kemanusiaan. Beliau telah memberi perkhidmatan yang cemerlang kepada Negeri India serta menyumbang ke arah kestabilan rantau dan keamanan dunia.

Tuan Yang di-Pertua, beliau dibunuh oleh pelampau-pelampau agama dalam satu kematian yang ganas yang juga malangnya menyebabkan keganasan yang lebih di India. Kami dari pihak DAP berharap dan berdoa bahawa keganasan akan dihentikan dengan serta-merta supaya pengorbanan Puan Indira Ghandi untuk keamanan tidak bersia-sia, malangnya Parlimen Malaysia yang patut membuat Obituary, dengan izin, tidak membuat demikian.

Perkara yang kedua yang ingin saya bangkitkan ialah berhubung dengan Laporan Sementara Jawatankuasa Penyiasat BMF.

Tuan Yang di-Pertua, Laporan Sementara Jawatankuasa Penyiasatan Ahmad Noordin ke dalam skandal pinjaman BMF telah diumumkan pada 2hb November, 1984 dengan ketinggalan sebahagian besar lampirannya. Cabutan 13 muka laporan itu yang diumumkan oleh Menteri Kewangan telah menghampakan rakyat Malaysia kerana mereka selama ini telah fikir bahawa Kerajaan pada akhirnya adalah jujur untuk mengetahui apakah sebenarnya telah berlaku kepada \$2.5 billion wang rakyat serta membawa ke muka pengadilan pegawai-pegawai dan ahli-ahli politik yang bertanggungjawab atas hutang-hutang lapuk yang ditanggung oleh BMF di Hong Kong.

Tuan Yang di-Pertua, tanpa sebaran Kerajaan, laporan tersebut tidak mengandungi apa-apa yang tidak diketahui oleh rakyat biasa Malaysia. Jawatankuasa tiga orang telah mengambil masa lapan bulan untuk mengeluarkan maklumat-maklumat yang dikehendaki menurut syarat-syarat rujukan jawatankuasa tersebut. Maklumat-maklumat tersebut boleh didapati dengan mengemukakan pertanyaan-pertanyaan kepada Bumiputra Malaysia Finance ataupun lain-lain badan yang berkaitan dan

pasti jawatankuasa tersebut tidak memerlukan lapan bulan untuk memperolehi maklumat-maklumat tersebut.

Saya sedar, Tuan Yang di-Pertua, laporan itu menyebut bahawa penyiasatan masih berterusan dan bahawa satu laporan akhir akan dikemukakan pada masa akan datang. Tetapi apabila isi kandungan laporan ini serta sikap "buck passing" yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan semasa mengumumkan laporan tersebut diambil perhatian, rakyat Malaysia tidaklah boleh duga laporan terakhir akan mendedahkan apa-apa maklumat yang baru. Nampaknya usaha Kerajaan untuk menyembunyikan seluruh skandal BMF akan berjaya dan jenayah jijik yang dilakukan tidak akan dihukum kerana Kerajaan tidak rela untuk mengetahui hakikat sebenarnya di sebalik skandal tersebut. Orang awam boleh merumuskan salah satu daripada dua rumusan berikut mengenai kegagalan laporan sementara untuk membuat pendedahan berhubung dengan skandal pinjaman BMF.

Yang pertama, Tuan Yang di-Pertua, jawatankuasa penyiasatan tiga orang yang diketuai oleh Ketua Audit Negara, Tan Sri Ahmad Noordin, telah tersekat oleh syarat-syarat rujukannya dan disebabkan ini ia tidaklah menjadi sebuah badan yang sesuai untuk menyiasat ke dalam aspek jenayah skandal tersebut. Jika inilah hakikatnya maka seluruh operasi jawatankuasa tersebut tidak akan memuaskan aspirasi rakyat yang mahukan satu penyiasatan yang mendalam serta menyeluruh untuk mengenal pasti sebab-sebab akar yang menyebabkan skandal tersebut serta menjalankan perubahan-perubahan dalam amalan banking agar dapat hentikan penyalahgunaan wang awam yang begitu banyak sekali. Nyatalah sebuah Suruhanjaya wang awam yang

begitu banyak sekali. Nyatalah sebuah Suruhanjaya Penyiasatan Di-Raja akan lebih berupaya menjalankan tugas yang dikehendaki dalam mengendalikannya siasatan-siasatan seumpama itu.

Yang kedua, jawatankuasa 3 orang tidak dapat menyiasat aspek-aspek jenayah Skandal Pinjaman BMF disebabkan tekanan daripada mereka yang terlibat serta kuasa-kuasa atasan. Niat Kerajaan Barisan Nasional untuk cuba menekan kebebasan penyiasatan seperti laporan jawatankuasa 3 orang itu adalah jelas.

Semasa membahaskan usul yang dicadangkan oleh Ketua Pembangkang supaya ditubuhkan sebuah Suruhanjaya Penyiasatan Di-Raja ke dalam skandal pinjaman BMF itu, Ahli dari Ulu Muda telah cuba untuk mencerca kenyataan awam yang dibuat oleh Ketua Audit Negara, Tan Sri Ahmad Noordin, dengan mengatakan bahawa disebabkan beliau dilantik oleh Perdana Menteri maka beliau tidaklah sepatutnya mengatakan sesuatu yang boleh menjejaskan imej Kerajaan.

Malah rakyat Malaysia yang cukup faham benar akan angkuh dan repressive Kerajaan Barisan tahu bahawa jawatankuasa penyiasatan yang dilantik itu terpaksa bergerak dalam lingkungan reality politik semasa

Tuan Othman bin Abdul: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kuching, Yang Berhormat dari Ulu Muda bangun minta jalan.

Tuan Sim Kwang Yang: Bolehlah.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, saya ada menyebutkan sememangnya bahawa satu kenyataan Tan Sri Ahmad Noordin tidak sepatutnya dibuat, tetapi saya juga mengakui bahawa

saya tidak bersetuju dengan perkara-perkara yang berlaku dalam BMF. Yang saya tekankan ialah bahawa saya tidak setuju di atas penubuhan satu Suruhanjaya Di-Raja bagi mengkaji skandal BMF. Ini pengakuan yang saya buat. Kenyataan yang dibuat oleh Tan Sri Ahmad Noordin yang saya tidak bersetuju ialah kerana ia bercanggah dengan pendapat atau pandangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang menubuhkan atau mengarahkan penubuhan jawatankuasa siasatan seramai tiga orang tetapi saya tidak menyokong dan juga tidak mengakui yang saya bersetuju dengan apa-apa yang berlaku di dalam perkara Bank Bumiputra Malaysia Berhad dan juga BMF sepertimana di dalam ucapan saya kebelakangan ini saya telah memberi teguran dan juga pandangan saya mengenai perkara-perkara yang berlaku. Soal

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat cukuplah penerangan itu.

Tuan Othman bin Abdul: Sedikit, Tuan Yang di-Pertua. Soal penubuhan itu yang kita tekankan bahawa tidak perlu ditubuhkan suatu suruhanjaya siasatan, yang Kerajaan hendak menekan jawatankuasa yang ditubuhkan seramai tiga orang itu saya tidak nampak di mana Kerajaan menekan mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat boleh Yang Berhormat bagi tahu penerangan sendiri, bukanlah hendak buat ucapan asing pula.

Tuan Othman bin Abdul: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah itu.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, apabila beliau mengatakan bahawa Tan Sri Ahmad Noordin tidak begitu sesuai untuk mengkritik Kerajaan, beliau telah memberi tekanan kepada tiga orang

jawatankuasa itu. Itu adalah sikap yang sangat angkuh yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat dari Ulu Muda.

Malah rakyat Malaysia yang cukup faham benar akan sikap angkuh dan repressive Kerajaan Barisan tahu bahawa jawatankuasa penyiasatan yang dilantik itu terpaksa bergerak dalam lingkungan reality politik semasa. Maka dengan sebab itu adalah jelas bahawa apabila Menteri Kewangan mengumumkan di Dewan yang mulia ini ketika menyampaikan ucapan Belanjawan keinginan Kerajaan untuk mengetahui kebenaran akan skandal BMF beliau sebenarnya adalah kurang ikhlas.

Tuan Yang di-Pertua, \$3.5 billion Malaysia yang diperlukan sangat itu tidaklah boleh lesap dengan begitu mudah tanpa sesiapa bertanggungjawab mengenainya. Pengerusi Lembaga Pengarah Bank Bumiputra, Dr Nawawi telah juga passed the buck, dengan izin, apabila beliau mengumumkan bahawa pinjaman-pinjaman tersebut diluluskan oleh bekas pemegang jawatannya itu dan beliau tidak dapat bertanggungjawab kepada kehilangan ini.

Sekiranya Kerajaan ingin mempunyai apa-apa credibility dan accountability awam Tuan Yang di-Pertua, maka ia hendaklah mempunyai sikap, dengan izin, continuity of responsibility and gift. Dr Nawawi tidaklah boleh lentur akan tugasnya sebagai orang yang tertinggi sekali dalam Bank Bumiputra dengan menyalahkan bekas pemegang jawatannya itu. Persoalan yang masih wujud ialah apakah beliau telah melakukan setelah mengambilalih jawatan untuk mengkaji seluruh keadaan pinjaman-pinjaman berhubung dengan BMF serta sekurang-kurangnya mengurangkan kerugian-kerugian tersebut dan bukan membiarkan keadaan tersebut bertambah buruk ataupun snowball

ketika menyandang jawatannya itu. Sekiranya perkataan kehormatan ataupun honour masih bermakna di hidupan awam Malaysia dan Dr Nawawi hendaklah meletak jawatannya dengan serta-merta untuk mengkotakan janji yang dibuat oleh Perdana Menteri untuk mewujudkan satu pentadbiran yang Bersih, Cekap dan Amanah. Dan dengan ini saya ingin mengucapkan pada perkara pembangunan sosio ekonomi di negeri Sarawak yang saya sebutkan pada hari Jumaat lalu.

Tuan Yang di-Pertua, alasan utama yang telah menyakinkan negeri Sarawak menyertai Malaysia adalah bahawa pencapaian sosio ekonomi yang dinikmati oleh Malaya semenjak kemerdekaan dalam tahun 1957 dapat juga dinikmati di negeri Sarawak melalui kemerdekaan walaupun konfrantasi Indonesia dan tentangan hebat daripada Sarawak United People's Party telah dihadapi pada masa itu iaitu tahun 1963.

Demikianlah impian serta aspirasi rakyat Sarawak, akan tetapi negeri Sarawak telah merdeka sejak 21 tahun yang lampau, dan suatu generasi rakyat Sarawak mencapai kematangan, adakah mereka mencapai aspirasi-aspirasi serta harapan-harapan kemerdekaan yang besar itu. Untuk menjawab soalan tersebut, Tuan Yang di-Pertua, marilah kita membandingkan tahap serta mutu hidupan negeri Sarawak dengan kawasan-kawasan lain dengan menggunakan petunjuk-petunjuk tertentu. Dengan pendapatan per kapita ataupun "per capita income" dalam kawasan tengah di Semenanjung Malaysia pendapatan per kapita itu ialah \$3,005, selatan \$2,014, utara \$1,868, kawasan Timur \$1,646, Sabah \$2,014 dan Sarawak yang paling rendah \$1,441 sahaja.

Kadar kenal-huruf di kawasan tengah adalah 81%, selatan 77%, utara 73%, timur 67%, Sabah 58%

dan Sarawak yang paling rendah sekali lagi 54%. Angka-angka ini jelas membuktikan bahawa Sarawak dari segi sosio ekonomi, Sarawak adalah negeri yang paling mundur di Malaysia. Jadi kesimpulannya adalah bahawa Sarawak adalah negeri yang paling mundur di Malaysia dan kesedaran hakikat ini mesti merupakan titik permulaan, sebarang usaha memupuk integrasi nasional. Suatu lagi titik permulaan yang patut diterima adalah bahawa selama ini jurang pembangunan sosio ekonomi di antara Sarawak dan Semenanjung Malaysia sedang kian membesar bukan menyempit. Jika kita bandingkan pendapatan per kapita negeri Sarawak dengan purata nasional. Mengikut tahun-tahun berlainan keadaan adalah seperti berikut: dalam tahun 1975, Sarawak per kapita income \$1,123 purata nasional \$1,412 peratusan adalah 40%. Dalam tahun 1978 per kapita income dalam negeri Sarawak adalah \$1,273, purata nasional \$1,676, peratusan adalah 76%. Dalam tahun 1980 per kapita income di Sarawak adalah \$1,272, purata nasional \$1,908, peratusan adalah 67% dan dalam tahun 1983 Sarawak mencapai per kapita \$1,441 purata nasional yang lebih tinggi \$2,119, peratusan adalah 67%.

Tuan Yang di-Pertua, angka-angka di atas menunjukkan bahawa pendapatan rakyat negeri Sarawak telah bertambah secara "marginal" sahaja walaupun purata nasional telah kian bertambah beberapa kali jurangnya sedang semakin membesar. Jurang yang kian membesar ini adalah suatu tanda ketidak seimbangan strategi pembangunan wilayah dan amat ketara. Ia juga menunjukkan bahawa usaha-usaha selama ini untuk mencapai integrasi wilayah telah gagal sama sekali. Jika hakikat ini tidak disedari secepat mungkin, akibatnya adalah padah dan buruk sekali akan

tetapi angka-angka serta statistik-statistik rasmi boleh memberikan gambaran benar mengenai kemiskinan dan kemunduran yang keterlaluan di negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri Sarawak hanya menikmati 5% "royalty" pengeksporan minyak yang dikutip. Kebanyakan daripada keuntungan perindustrian minyak menyentuh kepada syarikat-syarikat minyak "Trans National" dalam bentuk faedah-faedah yang direpatriatekan ke negeri-negeri asal sebagai bentuk gaji dan faedah pekerjaan kepada pekerja-pekerja perindustrian minyak yang terdiri daripada hanya sebilangan kecil rakyat Sarawak sahaja dan juga bayaran-bayaran kepada PETRONAS di bawah syarat-syarat yang dinyatakan di bawah perjanjian "joint production venture", dengan izin, faedah langsung kepada pembedahan negeri Sarawak adalah kecil.

Oleh kerana Sarawak mengeluarkan satu pertiga daripada jumlah keluaran minyak negara kita, tetapi hanya menerima pulangan yang paling sedikit, kemarahan rakyat Sarawak bolehlah difahami. Jika "royalty" minyak bagi negeri Sarawak dapat dinaiki daripada kadar 5%, akibatnya adalah jauh lebih berkesan daripada segala laungan pemimpin-pemimpin Kerajaan mengenai integrasi nasional, akan tetapi rakyat Sarawak menyaksi betapa wang minyak ini sedang disalahgunakan oleh PETRONAS untuk menyelamatkan Bank Bumiputra dengan membenarkan hutang pelabur sebanyak \$2.5 billion. Manakala permintaan negeri Sarawak bagi peruntukan pembangunan sosio ekonomi selalu ditegaskan dengan alasan kekurangan kewangan oleh Kerajaan Pusat, sebenarnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri patut meminta ampun daripada rakyat negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, angka-angka serta statistik lain juga memperkecilkan darjah kemunduran sosio ekonomi negeri Sarawak berbanding dengan negeri-negeri lain.

Menurut Laporan Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat kadar kemiskinan di negeri Sarawak jatuh daripada 56% di dalam tahun 1976 kepada 31% sahaja dalam tahun 1982 berbanding dengan kadar kemiskinan nasional sebanyak 29%. Nampaknya seolah-olah bahawa negeri Sarawak telah mencapai kemajuan yang amat besar akan tetapi angka-angka ini adalah amat menyesakkan. Ini adalah kerana angka-angka kemiskinan negeri Sarawak adalah berdasarkan kepada "Sarawak and Sabah Household Expenditure Survey" tahun 1982, manakala angka Semenanjung Malaysia pula adalah daripada Unit Penyelidikan Sosio Ekonomi ataupun SERU. Kedua-dua sumber angka ini tidak boleh dibandingkan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagikah kerana telah 20 minit itu.

Tuan Sim Kwang Yang: 5 minit sahaja lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak bolehkah kurang sedikit, ada banyak lagi yang hendak berucap.

Tuan Sim Kwang Yang: Saya faham, 5 minit sahaja. Dan dalam persidangan Dewan Undangan Negeri Sarawak yang diadakan pada bulan Mac awal tahun ini beberapa Ahli Yang Berhormat pihak Barisan Nasional meluahkan perasaan yang tidak puas hati juga oleh kerana ucapan di dalam Dewan Undangan Negeri adalah dibuat dalam Bahasa Inggeris, saya mohon izin untuk membaca sedikit sebanyak sahaja dalam Bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya ingat sudah tidak ada masa lagi, saya telah memberi peringatan bahawa tiap-tiap seorang yang berucap hanya dalam masa 20 minit sahaja.

Tuan Sim Kwang Yang: Tidak ada masa lagi?

Tuan Yang di-Pertua: Sudah cukuplah itu.

Tuan Sim Kwang Yang: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Bagan Datok.

4.00 ptg.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria (Bagan Datok): Bismillahir-ramanirrahim. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua memberi peluang kepada saya untuk bangun bagi menyokong usul Belanjawan negara bagi tahun 1985 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, setelah mengkaji dengan teliti Belanjawan negara, 1985 saya dapat menyimpulkan bahawa ianya merupakan satu Belanjawan yang diterima oleh semua golongan rakyat dan penerimaan rakyat atas Belanjawan ini adalah berasaskan bahawa objektif pengurusan dan pembangunan kewangan negara yang akan digunakan itu mengubah pelaksanaan:

- (1) untuk mengukuhkan kestabilan kewangan negara.
- (2) mengukuhkan imbayangan pembayaran.
- (3) kekukuhan belanjawan sektor awam bagi mempertahankan pertumbuhan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang paling besar yang dibangkitkan oleh wakil daripada Ketua Pembangkang

DAP dan juga penyokong-penyokongnya termasuk yang baru sahaja berucap sebentar tadi, di Dewan yang mulia ini ialah isu mengenai pinjaman BMF, sehingga terdapat ucapan mereka itu mengatakan atau ada menyebutkan bahawa rakyat tidak lagi percaya kepada Kerajaan kerana Kerajaan cuba menyelamatkan Bank Bumiputra dan melindungi serta menutup skandal BMF dan melindungi penyelewengan pesalah-pesalah skandal BMF.

Tuan Yang di-Pertua, baru dua hari yang sudah, Menteri Kewangan selaku bagi pihak anggota Kerajaan telah pun mengisytiharkan satu Laporan Jawatankuasa Penyiasat Pinjaman kepada rakyat jelata dan kepada umum dan ini membuktikan bahawa Kerajaan menepati janji dan akan menghukum kepada mereka yang didapati bersalah atas skandal BMF ini jika ada. Saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini dan rakyat Malaysia yang sentiasa taat serta menyokong Kerajaan Barisan Nasional bahawa sejarah telah membuktikan adanya golongan yang cuba ingin menghancurkan agensi-agensi Kerajaan seperti Bank Rakyat dan Bank Bumiputra dan lain-lain. Kita sedia maklum bahawa dalam sejarah ada berlaku pada bank-bank lain seperti Chartered Bank, Malayan Banking, Bank Buruh dan lain-lain, ada berlaku skandal yang seumpama itu tetapi bank-bank itu tidak pun dijadikan isu dan dicari jalan supaya perkara itu ditutup supaya ianya tidak diketahui oleh umum dengan tujuan untuk menjaga kepentingan bank, kepentingan ekonomi dan kepentingan negara.

Jadi dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, semuanya mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Pembangkang atas isu skandal pinjaman BMF ini nyatalah apa yang didakwa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita baru-baru, yang telah mengeluarkan satu statement di

akhbar, adanya golongan yang mencuba menggunakan isu pinjaman BMF ini, untuk menghancurkan bumiputera dan seterusnya menjatuhkan kepimpinan bangsa Melayu. Ini adalah nyata dan benar sama sekali, Tuan Yang di-Pertua. Oleh itu, saya berharap kepada semua rakyat, khususnya kepada pegawai-pegawai Kerajaan supaya terus menaruh kepercayaan kepada Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir selaku Perdana Menteri dan juga Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri serta Menteri-menteri Kabinet dan juga kakitangan Kerajaan di seluruh negara kita yang menjalankan tugas yang berasaskan kepada Bersih, Cekap dan Amanah.

Kepada kakitangan Bank Bumiputra pula, saya berharap supaya mereka terus bekerja dengan baik supaya kepercayaan pelanggan-pelanggan Bank Bumiputra sama ada di dalam negara kita di Malaysia ini dan juga di luar negeri akan kekal maju terus selama-lamanya. Kepada Pembangkang dan juga kepada golongan-golongan yang cuba untuk menghancurkan Bank Bumiputra dan kepimpinan Melayu supaya sedar bahawa Allah taala tidak akan mengizinkan pengkhianat-pengkhianat, golongan pelampau dapat menjatuhkan kepimpinan yang adil dan saksama.

Sebagai contoh, kita mengakui akan kehilangan sebanyak \$2.5 billion oleh mereka yang tidak beramanah dan akan menerima hukuman serta tindakan Kerajaan yang tegas jika ada penyelewengan. Tetapi Allah taala telah memberikan rezki kepada rakyat Malaysia dengan mengadakan sebanyak \$9.5 billion iaitu hasil daripada rezki minyak PETRONAS untuk menyelamatkan negara, untuk menyelamatkan rakyat atas niat jahat golongan yang hendak menjatuhkan serta menghancurkan Bank Bumiputra dan kepimpinan Melayu.

Saya mempunyai keyakinan selagi pucuk pimpinan iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet dan kakitangan Kerajaan yang sentiasa mengikuti ajaran Islam sebagaimana yang telah kita peruntukkan di dalam Perlembagaan Negara dan yang sekarang ini sedang dilaksanakan, walaupun ada golongan-golongan yang cuba mengadakan berbagai rancangan, berbagai sabotaj untuk menjatuhkan kepimpinan Kerajaan tetapi Allah taala tidak akan mengizinkan.

Pada hemat saya, Tuan Yang di-Pertua, Bank Bumiputra ini adalah diwujudkan oleh Kongres Ekonomi Bumiputera untuk membantu Bank Bumiputra dalam Rancangan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan, tetapi peranan Bank Bumiputra sekarang bukanlah sahaja untuk membantu bumiputera, bahkan golongan bukan bumiputera adalah mengambil peluang yang begitu banyak sekali untuk kepentingan perniagaan dan sebagainya. Sebagai contoh perkara yang berlaku kepada pinjaman BMF bukanlah diberi pinjam kepada bumiputera. Sebaliknya, pinjaman \$2.5 billion itu diberikan kepada syarikat yang dikendalikan ataupun diuruskan oleh bukan bumiputera khasnya kepada yang bernama George Tan. Mr George Tan bukanlah bumiputera tetapi ianya mendapat pinjaman daripada Bank Bumiputra.

Pada hemat saya, apa yang penting ialah marilah kita merenung akibat daripada tindak-tanduk mereka itu iaitu seorang pegawai bumiputera telah meninggal dunia iaitu Allahyarham Abdul Jalil. Apakah yang berlaku kepada isterinya, anaknya yang tinggal. Inilah yang patut difikirkan bersama oleh Kerajaan ataupun Pembangkang atau oleh Bank Bumiputra itu sendiri

supaya memberikan jaminan dan bantuan kepada anak-isteri Allahyarham Jalil yang telah pun meninggal dunia, akibat daripada beliau hendak menyasiat mengenai pinjaman yang berlaku di Hong Kong. Dan dengan itu juga saya mencadangkan supaya Bank Bumiputra atau lain-lain badan supaya apabila berlaku perkara-perkara yang seumpama itu hendaklah menghubungi rapat dengan Kementerian Dalam Negeri, pihak Polis dan sebagainya supaya keselamatan pegawai dan kakitangan bank ataupun kakitangan yang terlihat dalam hal itu dapat dijaga dan tidaklah seperti apa yang berlaku hingga terkorbannya Allahyarham Abdul Jalil.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya katakan tadi ada golongan yang cuba untuk menjahanamkan Bank Bumiputra bersabit dengan skandal BMF dan seterusnya menubuhkan kepimpinan Melayu sebagaimana kata Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri tidak beberapa minggu sudah, selaku Ahli Parlimen daripada Barisan Nasional, saya tetap mempertahankan idea-idea Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, isu BMF adalah satu perkara yang telah disengajakan, dirancang oleh golongan-golongan yang suka melihat negara kita ini bengkerap. Oleh yang demikian, segala tindakan yang diatur oleh Menteri Kewangan Malaysia yang baru, yang bijak itu adalah merupakan satu perkara yang baik di mana PETRONAS sebuah badan perniagaan dan kepunyaan rakyat di dalam negara Malaysia ini, menyelamatkan Bank Bumiputra bererti menyelamatkan negara.

Sebagai pentadbiran baru di dalam Bank Bumiputra, sudah tentu banyak masalah dan banyak perancangan pentadbiran di Bank Bumiputra itu patut dibuat kajian yang teliti.

Sebanyak lebih \$2 billion Malaysia telah disumbangkan oleh PETRONAS dibawa masuk ke dalam Bank Bumiputra. PETRONAS harus sedar juga dan meneliti bahawa PETRONAS itu sendiri harus dijaga dengan baik. Sepertimana sedia kita maklum, PETRONAS sendiri adalah membuat sebarang keputusan sama ada ianya dibekal di dalam negeri ataupun di luar negeri. Orang-orang yang meluluskan perlu dikaji semula dan tidak mahu lagi mendengar harta negara kita dipermain-mainkan oleh golongan-golongan seperti apa yang berlaku di dalam pentadbiran Bank Bumiputra. Orang-orang yang PETRONAS diberi kuasa hendaklah dibuat kajian dari masa ke semasa supaya seperti kata pepatah, "janganlah jadi sokong membawa rebah".

Tuan Yang di-Pertua, kita bernasib baik dan Tuhan memberi satu rezeki melalui PETRONAS dengan menyelamatkan Bank Bumiputra dan dapat menyelamatkan negara ini. Maka pada hemat saya, PETRONAS dan juga agensi-agensi lain yang ditubuhkan oleh Kerajaan mestilah diawasi, dijaga betul-betul supaya golongan-golongan yang sentiasa hendak melihat kehancuran kepimpinan negara, kepimpinan Kerajaan, kepimpinan bangsa Melayu ini sentiasa menjadi idaman kepada mereka dengan tujuan tidak lain-lain dan tidak bukan adalah kerana mereka tidak berpuas hati di atas kepimpinan yang ada sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau BMF membuat pinjaman melalui sindiket dan Bank Bumiputra Malaysia Berhad mengalami kerugian, kini PETRONAS mesti membuka pula buat masa akan datang iaitu mengambil ingatan, adanya golongan yang membeli minyak negara kita sekiranya betul, melalui sindiket haram yang ada di pelantar minyak demi untuk menjahanamkan negara ini. Kalaulah perkara ini benar dan

kalaulah perkara ini akan berlaku bagaimanakah agaknya kedudukan negara kita yang kita kasihi dan sayangi ini pada masa yang akan datang.

Sepertimana kita semata-mata sedia maklum bahawa pelantar di Labuan dan juga Kerteh adalah target pengeluaran negara, kini PETRONAS menghantar sebanyak 80,000 barrel minyak mentah ke Singapura untuk diproses.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mencadangkan supaya PETRONAS dapat menyiapkan kilang penapis minyaknya di Melaka itu secepat mungkin yang hanya menelan belanja lebih kurang \$400 juta, jika tidak salah saya. \$400 juta ini bukanlah banyak, supaya disiapkan kilang penapis minyak itu untuk menjaga kepentingan ekonomi negara kita yang telah mendapat menyelamatkan \$2.5 billion wang kita telah mengalami kerugian oleh Bank Bumiputra. Saya sangat-sangat khuatir akan berlakunya lain-lain sindiket yang memang sedia ada golongan ini sentiasa pula untuk menjatuhkan PETRONAS dan di dalam PETRONAS ini lebih-lebih lagi kini PETRONAS menjadi sebuah badan yang kuat dan kukuh di dalam negara kita ini dan bagi menentu dan memelihara PETRONAS serta Bank Bumiputra Malaysia Berhad dan juga agensi-agensi Kerajaan yang lain, saya sangat berharap supaya perkara yang saya cadangkan seperti perkara ini dapat dikaji dan ditibangkan:

- (1) Meneliti, mengkaji, siapakah pengurus yang dilantik serta dibuat kawalan kepada mereka itu.
- (2) Sama ada pengurus dan kakitangan di kedua badan seperti PETRONAS dan Bank Bumiputra dan lain-lain itu berkhidmat dengan jujur dan ikhlas.

- (3) Orang-orang yang terlibat di dalam memproses dan meluluskan, perlu dikaji integriti dan juga abiliti mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita telah tugaskan kepada kebenaran Gabenor Bank Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, perlulah dilantik untuk meneliti perjalanan PETRONAS dan Bank Bumiputra Malaysia Berhad serta agensi-agensi Kerajaan yang mempunyai kepentingan negara dan kepentingan rakyat. Ataupun saya suka mencadangkan supaya satu jawatankuasa penyelidik menyemak supaya dapat maklum balas yang lain untuk memelihara perjalanan PETRONAS, Bank Bumiputra dan agensi-agensi yang lain dalam tempoh masa yang ditentukan.

Kita juga, Tuan Yang di-Pertua, mengucapkan setinggi tahniah dan terima kasih kepada PETRONAS di mana dalam operasinya iaitu mengenai stesen minyak atau, dengan izin, "petrol pump" sekarang ini telah diadakan di seluruh negara dan peluang-peluang diberikan kepada bumiputera, tetapi saya difahamkan ada banyak syarikat kerjasama yang memohon untuk mendapat "petrol pump" PETRONAS ini telah ditolak oleh PETRONAS. Saya berharap PETRONAS dapat mengkaji semula kedudukan syarikat kerjasama ini kerana prestasi syarikat kerjasama pada hari ini adalah sudah begitu baik. Sekiranya patut ditibangkan kepada syarikat-syarikat kerjasama yang patut diberi peluang eloklah diberi peluang untuk menyertai operasi PETRONAS itu.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu sukalah saya menyebutkan di sini bahawa tuduhan Pembangkang dalam masa Menteri Kewangan membentangkan

Belanjawannya ini, menuduh bahawa Belanjawan 1985 ini adalah semata-mata untuk orang kaya dan menindas orang miskin. Pada hemat saya, adalah tidak benar dan kami daripada Barisan Nasional menolak sama sekali saranan daripada Parti Pembangkang ini. Dalam Kerajaan menggalakkan pertumbuhan sektor swasta, cukai yang dicadangkan oleh Kerajaan adalah menolong sektor swasta dan kalau itu dimaksudkan sebagai orang kaya, maka sumbangan swasta atau orang kaya juga harus diambil kira kerana swasta dan orang kaya adalah menolong orang-orang miskin mendapatkan peluang pekerjaan dan sebagainya. Dan sekiranya kita meneliti bahawa golongan swasta dan orang kayalah yang paling banyak membayar cukai kepada negara ini dan menyumbangkan kepada negara tetapi golongan miskin tidak dikenakan cukai dan jika ada pun hanyalah 5% sahaja daripada golongan mereka itu yang membayar cukai.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat mengalu-alukan Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Belanjawannya tidak melupakan pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat. Dalam hubungan ini peruntukan sejumlah \$571 juta bagi agensi-agensi yang berasaskan pertanian adalah pada hemat saya tidak mencukupi. Patutnya peruntukan ini ditambah atau diberi lagi kerana sektor pertanian adalah sumber utama kepada pendapatan dan pekerjaan rakyat yang terbesar di dalam negara kita. Kerajaan juga sedar pembasmian kemiskinan mestilah diselaras atau diasaskan kepada peningkatan kemudahan asas di luar bandar.

Peruntukan yang diuntukkan sebanyak \$193 juta untuk jalan di luar-luar bandar, \$76 juta untuk bekalan air dan \$71 juta untuk bekalan elektrik di luar bandar pada hemat saya adalah sangat kecil dan patut ditimbang dan

dikaji semula kerana negara kita telah mencapai kemerdekaan hampir 30 tahun tetapi rintihan rakyat terutama rakyat di luar bandar mengenai jalan-jalan kampung, mengenai air paip, mengenai api elektrik masih terdapat dan di mana-mana juga Wakil Rakyat menghadiri mesyuarat, pertemuan, berdialog dengan rakyat, sasaran kepada rakyat ialah Wakil Rakyat tidak menjalankan tugas kerana mereka tidak mendapat bekalan jalan kampung yang baik, air paip dan juga elektrik. Maka saya suka mencadangkan supaya peruntukan kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang telah diwujudkan oleh Allahyarham Tun Razak untuk membela nasib penduduk-penduduk luar bandar dari segi asas seperti jalan, air dan api ini diperlipatgandakan dengan secara raksasa.

Memperbanyakkan rancangan seperti rancangan bersepadu yang telah pun dapat prestasi yang baik atas projek bersepadu, sebagai contoh Projek Bersepadu Barat Laut Selangor sangat memuaskan hati rakyat dan eloklah projek itu diperluaskan dan dipertingkatkan serta dipebanyakkan ke seluruh negara kita. Saya yakin jika sekiranya ini dilaksanakan dalam tempoh 5 tahun yang akan datang tidak lagi timbul masalah jalan kampung, air serta api eletrik di luar bandar dan kiranya Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar menjalankan projek raksasa sebagaimana yang saya cadangkan projek bersepadu ini di seluruh negara saya rasa pembasmian kemiskinan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam Belanjawan 1985 itu akan mencapai kejayaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sudah cukuplah masa Yang Berhormat 20 minit.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Minta dua minit lagi, Tuan Yang di-Pertua, penghabisan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta golongkan.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, sebagai mengakhiri ucapan saya, untuk mengatasi masalah yang besar dihadapi oleh negara kita pada hari ini ialah masalah dadah, sehingga Parlimen kita menubuhkan sebuah Jawatankuasa Mengenai Dadah. Tetapi selain daripada usaha-usaha itu, Tuan Yang di-Pertua, belia-belia kita sering terperangkap dengan dadah. Di sini prestasi Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan patutlah diperhebatkan tetapi sekarang ini pada pandangan saya di seluruh negara Pejabat Kebudayaan, Belia dan Sukan sama ada di peringkat negeri dan di peringkat daerah sangatlah menyedihkan. Taraf Pegawai Kebudayaan, Belia dan Sukan

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat golong ucapan, jangan pergi kepada perkara yang baharu.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Tidak, Tuan Yang di-Pertua. Ini sudah hendak habis. Bilangan keraninya, jurutainya, kelengkapan pejabat, mesin pendua, typewriter dan keadaan letak pejabatnya sangatlah mendukacitakan. bagaimanakah Pegawai Kebudayaan, Belia dan Sukan hendak menjalankan tugas memerangi dadah dengan diperbanyakkan aktiviti-aktiviti belia supaya belia-belia tidak terdedah dengan dadah sedangkan keadaan Pejabat Kebudayaan, Belia dan Sukan daerah dan negeri sangat mendukacitakan. Saya berharap Kerajaan dan Kementerian Kewangan dapat mengambil tindakan di atas perkara yang saya sebutkan di dalam saya menyokong perbahasan

mengenai Belanjawan Negara. Maka dengan ini. Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Belanjawan 1985.

Tuan Yang di-Pertua: Dua kali sudah itu.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah dua kali yang terkemudian itu. Ahli Yang Berhormat dari Bachok.

4.24 ptg.

Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah (Bachok): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya ikut serta mengambil bahagian memberikan sedikit pandangan ke atas ucapan sulung Belanjawan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan kita pada Dewan yang mulia pada 19hb Oktober yang lepas.

Sebelum melangkah jauh, saya terlebih dahulu mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah menunjukkan sikap berani membuat beberapa perubahan baharu dalam Belanjawan Negara kita. Walaupun berbagai-bagai pandangan dan komentar telah disuarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga oleh berbagai-bagai pihak terhadap ucapan Belanjawan ini, namun perubahan-perubahan yang timbul daripada Belanjawan ini akan dapat sedikit sebanyak memperbaiki beberapa keadaan yang perlu dibaiki dan memperdekatkan lagi jurang perpisahan di antara golongan-golongan yang perlu diperdekatkan sama ada di antara golongan rendah dengan golongan menengah dan golongan menengah dengan golongan yang agak atasan.

Sebagai contohnya kita dapat melihat betapa peruntukan yang dicadangkan bagi memperbaiki sektor

pertanian yang merupakan satu faktor yang sangat penting dalam pembangunan negara. Di dalam sektor inilah wujudnya sebahagian besar rakyat yang disebutkan sebagai golongan yang tidak berada, dalam mana dua golongan besar kaum tidak berada iaitu golongan tani dan nelayan dirangkumi oleh usaha membaiki keadaan dan susunan masyarakat kita dari segi ekonomi yang nampaknya tugas yang begitu berat terpaksa dipikul dengan penuh tabah dan didikasi oleh seorang muda yang diamanah melaksanakan tugas ini iaitulah Yang Berhormat Menteri Pertanian. Adalah diharapkan bahawa tugas membaiki susunan dan pelaksanaan sektor pertanian ini akan dapat dilihat kesannya dalam tempoh yang dekat ini. Adalah diharapkan benar bahawa terlaksananya perubahan-perubahan ini golongan petani dan nelayan tidak lagi semata-mata memandang subsidi itu sebagai satu-satunya cara untuk membaiki nasib mereka. Pada pandangan saya memang tepatlah apa yang ditekankan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di dalam ucapan Belanjawannya tempoh hari iaitu kita mesti menghapuskan sikap bahawa Kerajaan mesti membantu kita sepanjang masa. Kita tidak boleh bergantung hanya kepada Kerajaan. Kita perlu tolong diri kita sendiri, Allah hanya menolong mereka yang berusaha menolong diri sendiri.

Peruntukan pembangunan bagi subsidi baja padi untuk tahun 1985 sebanyak \$74.85 juta itu adalah sudah mencukupi. Soalnya, Tuan Yang di-Pertua, ialah pembahagian yang dibuat mengikut saluran biasa itu hendaklah adil, kalau boleh syarat-syaratnya tidaklah seketat yang berjalan sekarang. Bantuannya hendaklah sampai ke tangan petani dalam tempoh yang menasabah dan dapat dipergunakan betul tanpa sebarang penyelewengan. Pengalaman kesilapan pada masa-masa yang lalu hendaklah menjadi pengajaran pada

masa yang akan datang. Apa lagi menyalahgunakan subsidi itu untuk tujuan menampung hidup sementara dalam jangka pendek sahaja selain daripada meyakinkan bahawa subsidi itu akan dapat dinikmati oleh semua golongan-golongan yang berhak menerimanya tanpa memilih bulu. Maka subsidi itu akan hanya merupakan satu faktor sementara sahaja, manakala golongan-golongan yang berkenaan akan dapat berdikari bukan sahaja disebabkan oleh mereka memperolehi kemudahan infrastruktur tetapi mereka dapat bahawa sektor pertanian termasuk nelayan adalah suatu lapangan pekerjaan yang boleh menjamin kestabilan ekonomi diri dan keluarga mereka, dan dengan demikian anak-anak muda dalam kalangan sektor yang berkenaan tidak perlu lagi meraba-raba mencari sumber kehidupan luar sektor kehidupan tradisi mereka.

Sehubungan dengan ini sukacita saya menarik perhatian pihak Kerajaan kepada masalah pengairan dan kos penanaman padi. Dari segi ini kawasan yang terkenal sebagai kawasan jelapang padi belum tibanya era pengairan seperti Rancangan KADA di Kelantan di beberapa kawasan di Tumpat, beberapa bahagian di Pasir Mas dan Pasir Puteh yang tidak dapat digunakan lagi bagi maksud pertanian di mana suatu ketika dahulu terdengar bisikan bahawa kawasan itu akan digunakan untuk dijadikan projek ikan air tawar. Maka pada hemat saya sudah tiba masanya masalah ini diberi perhatian yang serius dan kalaulah dirasakan perlu bolehlah diadakan penyelidikan menyeluruh dan berkesan maka langkah yang bersungguh-sungguh dan positif hendaklah diambil segera. Jawapan-jawapan melemahkan pihak-pihak yang bertanggungjawab seperti masih dalam kajian dan sebagainya tidaklah sesuai lagi. Layanan hendaklah terus-menerus diberikan

kepada pertanyaan-pertanyaan dan kemuskilan yang dikemukakan, terutama oleh petani-petani yang berkepentingan dan berminat untuk meneruskan usaha pertanian yang berkesan di dalam kawasan yang berkenaan.

Mengenai kos penanaman padi yang kedapatan tidak ekonomik sekali kerana setelah dikumpul dan dihetongkan perbelanjaan dan tenaga yang terpaksa dicurahkan dalam sepanjang musim penanaman dua kali setahun itu maka didapati bahawa hasilnya sangat tidak mengembirakan dan inilah rasa saya di antara sebabnya maka ramai kaum belia di kawasan-kawasan pertanian yang berkenaan turun ke Selatan menjadi buruh di seberang Selat Teberau. Jadi, jika langkah positif diambil maka insya Allah satu jalan keluar boleh menyelesaikan masalah yang berlarut-larut itu akan ditemui juga. Kalau Kerajaan telah sanggup mengambil masa awal dan mengadakan kawasan pertanian kelompok atau mini estet maka tinjauan ke arah itu sepatutnya telah dilakukan juga di kawasan pertanian KADA.

Tuan Yang di-Pertua, pengeluaran beras dari Projek Penanaman Padi terbesar di Semenanjung Malaysia sebagaimana yang diketahui ialah dari Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), dari Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) kedua-dua projek ini terus merosot pada tahun ini. Kemosrotannya ialah disebabkan MADA berkurangan keluasan kawasan tanaman padi kerana diserang oleh penyakit padi merah (viral), pada tahun ini sahaja melibatkan tanaman padi seluas 3,000 hektar, manakala pada tahun 1983 terlibat seluas 20,000 hektar.

Kemosrotan di KADA pula adalah berikutan dari kejadian banjir di penghujung tahun lepas dan awal tahun 1984 dan ini dijangka mengalami kekurangan sebanyak 29%

kepada hanya 68,180 tan metrik sahaja. Oleh itu jumlah pengeluaran beras dari kedua-dua projek tersebut dijangka menyumbang kira-kira 487,280 tan metrik atau 43% daripada jumlah pengeluaran beras tempatan. Jadi bagi memenuhi bekalan beras tempatan yang hanya dapat menampung 75.6% daripada keperluan beras negara, Malaysia terpaksa mengimport kira-kira 232,170 tan metrik bersamaan dengan 24.4%.

Tuan Yang di-Pertua, di Kelantan pertanian merupakan tulang belakang aktiviti ekonomi negeri di mana kira-kira 70% adalah terlibat secara langsung dalam sektor ini. 16% daripada jumlah kawasan tanah adalah digunakan untuk pertanian pada tahun 1982 iaitu seluas 140,070 hektar. Getah dan padi merupakan tanaman terpenting, masing-masing meliputi 50% dan 19% daripada jumlah kawasan yang ditanam dengan tanaman. Ini diikuti dengan kelapa sawit, kelapa dan jenis tanaman yang lain seperti tembakau.

Sungguhpun sektor pertanian masih merupakan sektor terpenting di Kelantan, tetapi sumbangan KNK telah terus menurun. Daya pengeluaran antara sektor adalah tidak sama di mana daya pengeluaran sektor pertanian adalah yang terendah sekali. Negeri Kelantan menghadapi masalah kekurangan peluang pekerjaan dan daya pengeluaran yang rendah disebabkan terutamanya kekurangan tanah pertanian yang sesuai bagi menampung keperluan penduduk.

Saya berani mengatakan di sini bahawa pertanian di Kelantan boleh dikatakan masih pada peringkat cukup hidup dan kadar penggunaan teknologi yang rendah. Purata saiz kebun di kawasan utara Kelantan adalah di antara 0.8 hingga 1.2 hektar. Tanaman terpenting ialah getah yang meliputi kawasan seluas 121,000

hektar. Keluasan yang ditanam oleh pekebun kecil ialah 72,919 hektar atau 60.2% dan 20,310 atau 16.8% di bawah sistem perladangan. Selain daripada itu getah juga diusahakan oleh perbadanan-perbadanan seperti FELDA, FELCRA, KESEDAR, SEDC dan lain-lain yang meliputi 27,874 tan metrik atau 23% dari keluasan yang ditanam dengan getah. Walau bagaimanapun, saya difahamkan penggunaan teknologi moden dalam sektor pekebun-pekebun kecil itu adalah amat rendah sekali.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, tanaman kedua penting di Kelantan ialah padi. Padi meliputi kawasan seluas 44,422 hektar. Hampir 80% dari sawah padi adalah kurang dari 1.3 hektar. Selain daripada kelapa sawit dan kelapa, salah satu tanaman yang meningkat kepentingannya di Kelantan ialah tembakau. Pada tahun 1982 keluasan tanah tanaman tembakau ialah 8,201 hektar dan ianya ditanam pada musim kering. Pendapatan dari penjualan tembakau telah dapat menambah pendapatan penanam-penanam padi dan pendapatan dari tanaman tersebut melebihi daripada pendapatan padi.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan di sini sebahagian dari faktor-faktor atau masalah-masalah yang menghalang pembangunan ekonomi negeri Kelantan. Untuk menjadi contoh, faktor-faktor penghalang ini perlu dikenalpasti supaya langkah-langkah untuk mengatasinya dapat dijalankan oleh semua pihak yang terlibat.

Pertama, keadaan semula jadi negeri Kelantan yang tidak mempunyai sumber asli yang banyak berbanding dengan negeri-negeri di Pantai Barat, di samping sistem perhubungan yang kurang sempurna dengan Pantai Barat. Keadaan ini

menyebabkan kos pengangkutan adalah tinggi yang membuatkan pelabur kurang berminat menempatkan pelaburan mereka di Kelantan, meski pun dengan siapnya Lebuhraya Timur-Barat.

Kedua, kelewatan dalam menyelesaikan proses pengambilan balik tanah untuk tujuan pembangunan juga merupakan sebab-sebab yang melambatkan dan menghalang pembangunan ekonomi. Keadaan ini kadangkala disulitkan lagi dengan unsur-unsur politik.

Ketiga, Kelantan masih menghadapi masalah mendapatkan kepakaran ahli-ahli profesional yang berpengalaman. Oleh kerana kemudahan sosial terbatas, maka bilangan mereka yang sanggup bertugas di negeri ini adalah kurang, malah nampaknya ramai anak-anak Kelantan sendiri yang lebih suka memegang jawatan di luar Kelantan.

Jadi, oleh kerana masa tidak mengizinkan, Tuan Yang di-Pertua, maka biarlah saya tamatkan ucapan saya sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ledang.

4.35 ptg.

Dato' Haji Ngah bin Haji Abdul Rahman (Ledang): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan Malaysia yang telah membawa satu lambaran baru dalam segi pengendalian kewangan negara dan dengan itu juga membuka jalan yang lebih nyata bagaimana ekonomi negara akan terus bertumbuh dan berkembang untuk masa hadapan.

Pada pendapat saya, lambaran baru atau jalan yang baru itu ialah usaha untuk meningkatkan pertumbuhan dan pembangunan ekonomi melalui peranan yang lebih aktif, segar dan

luas lagi oleh sektor swasta. Jika dibandingkan dengan usaha-usaha sejak Dasar Ekonomi Baru yang dilancarkan pada tahun 1970, 14 tahun yang lalu, kita telah melihat satu rekod pembangunan ekonomi negara melalui peranan aktif oleh sektor awam. Pada hari ini pula, kita dapat melihat dan sedar akan had dan constraint, dengan izin, sejauh manakah Kerajaan berupaya dari segi kewangan dan pengurusan untuk memainkan perannya secara lebih aktif dalam ekonomi negara.

Saya nampak ada yang berjaya dan ada juga yang tidak berjaya. Perkara yang seumpama ini adalah satu perkara biasa. Sesungguhnya banyak yang kita boleh pelajari daripada Dasar Ekonomi Baru dan dasar pembangunan ekonomi negara kita sejak ianya dilancarkan 14 tahun yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya Belanjawan kali ini telah meletakkan harapan besar kita kepada sektor swasta dan kita juga mengharapkan semoga sektor tersebut sanggup dan berupaya menghadapi cabaran ini dengan penuh rasa tanggungjawab dan jika tidak, maka strategi belanjawan kita akan terkeluar daripada matlamatnya atau lebih tepat lagi salah langkah dan akibatnya nanti akan membawa pertumbuhan ekonomi yang rendah, tinggi dari segi pengangguran dan imbalan bayaran yang menyulitkan.

Tuan Yang di-Pertua, Akta yang dinamakan Akta Perbekalan, 1985 sejak ia dibentangkan dan di dalam bacaan kali yang kedua dibuka untuk dibahas, bermula daripada 24-10-1984 sehinggalah ke hari yang terakhir ini, telah menimbulkan banyak persoalan. Di antaranya ialah tentang cukai, umpamanya cukai pendapatan, dan juga dengan hal-hal mengenai perbelanjaan, umpamanya perbelanjaan awam, peranan Off-Budget Agencies dan lain-lain.

Sekiranya terdapat pandangan-pandangan yang akan saya kemukakan di Dewan yang mulia ini berulang daripada perkara-perkara yang mungkin telah pun disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain daripada Barisan Nasional yang telah dapat peluang untuk berucap lebih awal, namun begitu saya amat mengharapkan semoga pihak Kerajaan akan mengambil perhatian sebagai satu penekanan terhadap sesuatu perkara yang dianggap penting bagi diberikan pertimbangan demi kepentingan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh mengenai dengan cukai pendapatan. Kita dapati bahawa kadar cukai maksimum sebanyak 55% telah diturunkan kepada 40%. Kita faham bahawa isu ini menjadi satu sasaran ramai oleh banyak pihak terutama daripada parti Pembangkang. Mereka mendakwa langkah baru ini bermakna mereka yang banyak mendapat faedah ialah orang-orang yang kaya dan golongan profesional dan juga kelas pengurusan. Mereka berpendapat hitung panjang mereka yang mempunyai pendapatan \$5,000 sebulan dan lebih akan merasa kurangan beban cukai daripada 30% hingga 35%. Sementara itu pula sebahagian besar pembayar cukai yang berpendapatan sebanyak \$1,000 sebulan akan hanya mendapat kurangan beban cukai sebanyak 12%. Ini bermakna lebih tinggi pendapatan seseorang itu lebih seronoklah dia mendapat faedah daripada Belanjawan itu.

Pada saya penurunan cukai pendapatan itu tetap memberi faedah kepada semua pihak menurut kadarnya masing-masing. Di dalam jangka masa yang tertentu akan lahir pertambahan ekonomi yang tinggi di negara kita ini. Kita seharusnya faham logika di sebalik strategi cukai ini. Ianya merupakan insentif atau penggalak untuk kita bekerja keras dan kemudian membuat

tabungan dan seterusnya membuat pelaburan dan ini juga bermakna daya pelaburan dan juga pengeluaran bertambah di kalangan yang kaya.

Dalam hubungan ini mungkin Yang Berhormat Menteri Kewangan kita lebih faham akan psikologi orang kaya. Lebih rendah cukai lebih menggalakkan orang bekerja kuat dan dengan itu menambah kekayaan. Saya harap dia betul. Jika tidak, saya amat khawatir bahawa pendapatan yang bertambah mengakibatkan turunnya cukai itu akan dihalakan kepada perbelanjaan yang mewah terutama kepada barang-barang mewah yang diimport. Oleh itu, tingkat bergaya atau sophistication di kalangan orang-orang yang berada di kalangan masyarakat kita akan bertambah tinggi. Saya juga khawatir bahawa bertambahnya pendapatan atau kekayaan akibat turunnya ceiling kadar cukai, bermakna akan bertambah import barang-barang mewah. Ini akan menjadi satu faktor yang akan merumitkan imbang bayaran kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh strategi memberi insentif cukai kepada masyarakat yang lebih luas. Kita semua tahu bahawa pekerja-pekerja bawahan adalah juga bekerja kuat. Dalam hubungan ini, saya musykil sedikit dan oleh kerana itu ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan mengapa jumlah pelepasan tidak dinaikkan. Rasa saya adalah lebih adil dan logik, kita sama-sama memikirkan kesan Belanjawan ini terhadap golongan sederhana, tinggi dan golongan rendah juga. Saya berpendapat jika pendapatan yang dikecualikan cukai ditambah, saya yakin kesannya begitu bermakna sekali kerana keluarga yang berpendapatan rendah dan sederhana, sesungguhnya \$1 untuk yang kurang

berada adalah lebih bermakna baginya jika dibandingkan dengan \$1 bagi yang kaya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa saban tahun rayuan telah dibuat untuk mengurangkan cukai dan cess getah dan kita juga sedar bahawa pendapatan pekebun kecil getah sebanyak 20% telah dipotong oleh Kerajaan sebagai cukai dan sess. Tetapi nampaknya rayuan tinggal rayuan sahaja. Sebaliknya, baru-baru ini ada pula ura-ura Kerajaan hendak menaikkan cukainya lagi. Yang menjadi persoalan kita ialah ramai daripada kita mendapat peluang dengan cukai, petani mendapat subsidi tetapi pekebun kecil getah nampaknya terus dibebankan dengan perbelanjaan menanam semula, membeli baja dan sebagainya. Memandangkan bahawa masyarakat pekebun kecil getah di negara kita ini yang merupakan tulang belakang ekonomi negara, hal ehwalnya patut benar diberi layanan yang sama. Setelah diambil kira mengenai kesan cukai yang berbeza-beza yang mengakibatkan kesan jurang perbezaan di antara yang berada dengan yang tidak berada mungkin semakin meluas, ada pendapat yang mengatakan ini tidak dapat dielakkan. Tetapi pada pendapat saya, tidak seharusnya kita sengaja meluaskan jurang tersebut. Lebih-lebih lagi kita tahu bahawa salah satu daripada tujuan DEB ialah untuk merapatkan jurang ini. Jika jurang ini lebih meluas, alamatnya makin tidak adil atau tidak sihat suasana masyarakat. Maka tatkala itu gejala-gejala tidak sihat akan lebih menjalar, menular dan lebih ketara dan kesetabilan politik mungkin terancam. Oleh yang demikian, saya menyeru supaya pihak Kerajaan akan sentiasa berusaha untuk membaiki taraf hidup rakyat jelata dan menyedari implikasi jurang yang bertambah luas di antara yang berada dengan yang tidak berada.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap mengenai dengan perbelanjaan awam, kita dapati bahawa 74% daripada peruntukan adalah untuk perbelanjaan semasa dan 26% adalah untuk Perbelanjaan Pembangunan. Jika dibandingkan peruntukan 1984, perbelanjaan semasa akan meningkat sebanyak 4% pada tahun 1985. Dalam hal ini saya rasa bahawa Kerajaan masih belum berjaya mengurangkan perbelanjaan sektor Kerajaan kerana commitmentnya terus bertambah dari segi perbelanjaan semasa dan saya rasa khuatir dengan cara perbelanjaan ini direncanakan, di mana ternyata kekurangan peruntukan untuk pelajaran, perumahan dan juga kemudahan-kemudahan asas seperti api dan air.

Setiap kita tetap menyedari bahawa pelajaran adalah pelaburan jangka panjang untuk pertumbuhan ekonomi pada masa hadapan. Kurangnya peruntukan untuk perumahan, maka akan berkuranglah bilangan rumah untuk keluarga yang kurang berada. Manakala api dan air pula, adalah keperluan mendesak untuk keluarga-keluarga miskin khususnya mereka yang tinggal di desa-desa. Dalam hubungan ini saya lebih cenderung jika kita kurangkan peruntukan untuk bidang-bidang seperti berikut:

Pertama, kita sewajarnya review semula projek HICOM walaupun tidak disebut dalam Belanjawan ini.

Kedua, kita mesti meneliti semula kedudukan perjawatan dan kakitangan di sektor awam, mungkin ada lebih kakitangan di satu Jabatan untuk dipindahkan di Jabatan lain.

Pada saya tidak seharusnya kita berbangga dan mengekalkan imej kita sebagai salah sebuah negara yang mempunyai saiz birokrasi yang terbesar di dunia.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kita kepada perbelanjaan awam, ingin saya menekankan bahawa kita tidak sahaja menanya bagaimana wang / itu dibelanjakan tetapi kita sewajarnya juga menanya soalan yang lebih tepat tentang bagaimana wang itu diuruskan. Saya percaya dengan cara begini kita lebih mudah mengesan pembaziran dan penyelewengan dan dengan cara itu juga kita dapat mengawasi dan mengurangkan saiz birokrasi itu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri kita telah menyebutkan peranan "Off-Budget Agencies" (OBA). Saya harap janji-janjinya mengenai OBA akan dipenuhi. Saya juga berharap Yang Berhormat Menteri Kewangan dapat memastikan bahawa agensi-agensinya seperti PETRONAS, HICOM dan lain-lain tidak membazirkan pendapatan negara dengan perbelanjaan mewah, meningkatkan gajinya yang berlebihan, kemudahan-kemudahan kakitangan untuk mereka yang berpangkat tinggi dan lain-lain. Mereka yang menguruskan OBA ini pada saya, bukanlah merupakan satu masyarakat yang eksklusif yang berbeza dengan taraf dan tanggungjawab yang dipikul oleh pegawai-pegawai dan pengurus-pengurus di sektor lain. Oleh itu pengawasan terhadap merancang dan perbelanjaan OBA itu harus diperketatkan lagi supaya ianya tidak membebankan Kerajaan pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Belanjawan ini juga, ada terdapat satu perkara baru yang menyegarkan iaitu industri buatan yang menggunakan getah sebagai salah satu bahan mentah yang diringankan cukai terhadapnya dan diberi peluang membeli dengan lebih murah. Ini adalah satu langkah yang baik kerana adalah diharapkan dengan cara begini akan lebih banyak getah diproses dalam negara kita. Saya

harap bahawa langkah yang seumpama ini dapat diperluaskan lagi kepada industri lain yang menggunakan bahan-bahan seperti kelapa sawit, kayu kayan dan sebagainya. Dalam bidang industri saya berharap pihak Kerajaan akan mengambil tindakan yang positif untuk menyelerakkan industri-industri ini di merata-rata negara ini sebagaimana yang wujud di negara Jepun.

Dalam dasar "Pandang ke Timur" itu, eloklah juga kita belajar bagaimana orang-orang desa Jepun boleh bekerja sebagai petani sambilan dan di samping bekerja penuh masa di industri-industri yang berdekatan. Industri yang membuat komponen diselerakkan di rata-rata di negara Jepun sebegitu rupa sehinggakan ekonomi desa hidup segar dan masyarakatnya hidup lebih senang jika dibandingkan dengan mereka yang tinggal di bandar.

Apa yang saya faham dari Belanjawan ini tidak ada ternampak apa-apa langkah pun ke arah itu. Oleh itu saya menyeru supaya master plan for industrialization yang sedang disiapkan itu akan memberi penekanan supaya industri-industri yang telah saya sebutkan itu dibawa di kawasan-kawasan bandar kecil di peringkat daerah supaya masyarakat tani mendapat faedah sama ada dari segi peluang bekerja, berniaga ataupun kemahiran. Dengan ini saya percaya akan dapat melahirkan pertumbuhan ekonomi yang seimbang seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, ternyata bahawa kita juga tidak dapat elak menggunakan cukai untuk melindungi industri-industri kita daripada ditandingi oleh barangan import. Saya menaruh harapan bahawa sistem cukai yang melindungi industri-industri tempatan tidak akan dianggap sebagai perkara lumrah oleh para industrialis kita. Saya percaya lindungan ini

adalah untuk sementara sahaja dengan harapan mereka yang berpengalaman dan menjadi kuat untuk bersaing dengan barangan import. Dengan itu sahajalah negara kita akan maju dan rakyat akan mendapat faedah.

Cukai perlindungan juga akan menjejaskan rakyat dengan harga barangan yang lebih mahal jika dibandingkan dengan barangan import yang bebas daripada cukai. Dalam hal ini rakyat boleh berkorban untuk jangka masa tertentu dan mereka tidak sewajarnya terus dipaksa berkorban untuk menampung kepentingan para industrialis. Saya harap golongan ini akan sedar tentang sejauh manakah Kerajaan sanggup melindungi mereka dan di mana pula letaknya tanggungjawab mereka kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah pandangan-pandangan saya terhadap Belanjawan ini dan saya menyokong rundingan itu.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Batang Padang.

4.52 *ptg.*

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang): Tuan Yang di-Pertua, saya turut bangun menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1985 yang diperuntukkan Anggaran Perbelanjaan 1985 sebanyak \$29,191,096,194.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh tentang pertahanan Negara yang mana saya telah dimaklumkan dalam soal jawab tempoh hari Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan tentera kita cukup dilengkapi dan boleh mempertahankan negara ini. Tetapi saya khuatir kerana pernah saya dengar negara kita ini dalam tempoh tiga hari negara ini boleh diserang oleh kuasa-kuasa luar—boleh hapus, boleh diperintah oleh orang lain yang mana

kita telah faham taklukan ekonomi sudah barang tentu, Tuan Yang di-Pertua faham Jepun telah mengatasi lain-lain negara di Malaysia ini.

Apabila lojik tiga hari ini negara kita boleh diperintah, di ambang pintu negara kita menghadap hala ke utara sana semuanya daripada komunis yang mana komunis Russia, komunis China, Vietnam, Kampuchea dan akan menyeberangi tanah Siam atau Thailand sahaja lagi. Kalau terjadi demikian, kita kata kita sudah cukup tetapi saya rasa bimbang negara kita cuma ada 60,000 sahaja lebih kurang askar

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tidak bolehkah kita tunggu sampai kita bahas peruntukan di bawah Kementerian Pertahanan nanti?

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Boleh tunggu tetapi bagi keselamatan negara, Tuan Yang di-Pertua, minta maaf ya. Oleh itu diperuntukkan pada tahun 1985 sebanyak \$2,700 juta untuk Kementerian Pertahanan ini eloklah ditambah, digandakan lagi sehingga boleh dikatakan keadaan hari ini ditambah sehingga setengah daripada perbelanjaan negara kerana melengkapkan terutama kelengkapan-kelengkapan sebagaimana yang dihujahkan oleh Timbalan Menteri Pertahanan hendak membeli satu benda pun tidak cukup dengan peruntukan yang ada, benda yang moden, sophisticated yang dikatakan oleh pihak Pembangkang ataupun Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudah-sudah begitu terasalah hati kita bahawa kita tidak ada mempunyai satu alat yang moden yang boleh kita banggakan di negara kita ini sama ada di laut, di udara, tetapi tentera darat boleh tahan. Ada berkaitan, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perbelanjaan Negara.

Senjata, biarlah kita lengkapkan, kemudian ada masalah-masalah lain iaitu peruntukan-peruntukan yang saya pohonkan itu iaitu supaya Kerajaan melebihi kepada Kementerian Pertahanan ini kerana Kementerian Pertahanan ini berdukacita saya melihatkan bahawa pihak tentera-tentera yang kita harap membenteng negara kita ini mereka sebahagian sahaja mendapat rumah-rumah kediaman untuk anak isteri mereka dengan meninggalkan anak isteri mereka berjuang di sempadan dengan simbol "satu peluru untuk satu musuh". Ada tempat tidak ada langsung rumah tentera.

Misalnya, Tuan Yang di-Pertua, di tempat saya di Tapah sana cuma tempat tentera sahaja tetapi tempat tinggal tidak ada—hebohlah Kerajaan mengatakan hendak jaga ekonomi negara, kemelesetan wang tetapi tentera-tentera yang diletakkan di Tapah itu datang anak isteri mereka duduk di Batu Gajah, Ipoh, menggunakan lori, trak tentera dengan mengeluarkan perbelanjaan yang banyak. Tentera-tentera kita menggelisah dengan anak isterinya yang jauh. Kemudian timbul dengan anggota-anggota tentera yang berhenti pula, satu masalah lagi sama ada gaji tak cukup tetapi saya rasa ini sudah mencukupi, tetapi mereka berhasrat untuk mendapatkan lebih pendapatan, hendak berniaga, hendak jadi kontraktor dan sebagainya melihat kawan-kawan mereka yang telah berhenti. Apabila mereka berhenti, hendaklah diganti dengan serta-merta supaya tidak kekurangan keanggotaan tentera kita. Dengan sebab itu, ada kaitannya dengan perbelanjaan sebagaimana saya nyatakan dalam soal jawab saya tempoh hari bahawa tentera-tentera di negara-negara yang maju yang kekuatan tenteranya ada berlipat ganda dengan tentera-tentera Wataniah atau Tentera Tempatan.

Di negara kita ini cuma ada 60,000 tentera biasa, 60,000 Tentera Tempatan. Sepatutnya empat kali ganda ada 240,000. Tetapi Tentera Tempatan ini pula musykil. Musykilnya kerana mereka ini diberi latihan tetapi pihak-pihak majikan sama ada Kerajaan ataupun mengikut General Orders atau Perintah Am Bab C 41 yang mana kakitangan Kerajaan dibenarkan bercuti 30 hari campur pergi dan balik 32 hari telah ditahan oleh pihak majikan. Lebih-lebih lagi pihak swasta tidak mahu rugi terhadap kilang ataupun firma-firma mereka. Tetapi kita percaya Tentera Wataniah atau Tentera Tempatan ini telah menunjukkan kecemerlangannya di waktu konfrantasi dengan Indonesia apabila diserapkan mereka boleh mempertahankan negara sebagaimana tentera-tentera lain juga.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, ialah keselamatan. Keselamatan pemimpin-pemimpin negara kita hendaklah diperketatkan lagi kawalan keselamatan mereka yang pada hari ini didapati amat longgar dan merbahaya kepada diri mereka terutama sekali, Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang kita sayangi, pihak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu telah pun memuji tentang peranannya mewujudkan perdamaian dan keadilan, kemakmuran dan keadaan yang lebih selamat di dunia sebagaimana kawat utusan dari Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin membacakan sedikit dalam akhbar *Utusan Malaysia*.

Dalam *Utusan Malaysia* hari Sabtu Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu, Encik Javier Perez de Cuellar telah mengutus kawad peribadi mengucapkan terima kasih kepada Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad

kerana sokongan tegas Malaysia terhadap matlamat dan prinsip badan dunia ini.

Encik de Cuellar berkata sokongan yang dilahirkan oleh Perdana Menteri itu menjadi dorongan kuat bukan sahaja kepada Setiausaha Agung itu sendiri, malah kepada seluruh organisasi badan dunia itu menjelang ulang tahun yang ke 40.

Berucap di Sidang ke 39 Perhimpunan Agung pada 10hb Oktober lalu Perdana Menteri telah menggesa negara-negara anggota membaharui ikrar sokongan kepada Bangsa-bangsa Bersatu dalam usahanya hendak mewujudkan keadilan, kemakmuran dan keadaan yang lebih selamat di dunia.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pekan.

5.02 ptg.

Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud (Pekan): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut serta bersama-sama dengan rakan-rakan saya dalam Barisan Nasional bagi membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1985 yang dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini pada 19-10-1984 baru lalu oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan kita yang baru.

Saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Encik Daim Zainuddin, walaupun baru dalam tugasnya, tetapi telah berjaya membentangkan Belanjawan yang diterima oleh rakyat seluruh negara kecuali parti pembangkang DAP yang hanya sedar terhadap pengurangan cukai pendapatan kepada satu golongan kecil yang pada masa ini membayar cukai tahap maksima 55%, akan tetapi golongan yang menerima faedah yang besar

ialah mereka yang berpendapatan sederhana dan berpendapatan yang rendah akan menerima kadar baru yang diturunkan dari kadar 6% dan 9% masing-masing dikurangkan kepada 5% dan 8%, dan juga yang berpendapatan rendah rebate cukai diberi kepada mereka yang mempunyai pendapatan yang dikenakan cukai tidak melebihi \$10,000 iaitu \$60 kepada pembayar cukai dan \$30 oleh isteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian Dewan yang mulia ini mengenai kadar cukai yang liberal berhadap hadiah dan cenderamata yang dibawa masuk ke negeri ini oleh seseorang yang berada di luar negeri sekurang-kurangnya 72 jam iaitu dihadkan tidak melebihi nilai \$200. Sebaliknya pula kalau seseorang itu membuat lawatan ke Labuan had ini dinaikkan ke paras \$500, ini menggambarkan kepada umum bahawa Kerajaan menggalakkan lawatan dibuat ke Malaysia Timur atau ke negeri-negeri Sabah dan Sarawak terutamanya ke Wilayah Persekutuan Labuan.

Apakah kita sedar bahawa sejak tahun 1963, semasa Malaysia ditubuhkan dan di mana Sabah dan Sarawak menjadi salah satu anggotanya dan sejak itu 20 tahun telah berlalu usaha-usaha terhadap integrasi nasional kurang sangat diberi perhatian oleh Kerajaan. Apa yang dimaksud ialah integrasi nasional di antara Sabah dan Sarawak dengan tanah Semenanjung Malaysia. Tumpuan dan tekanan terhadap kemudahan perjalanan di antara Malaysia Timur dan Semenanjung Malaysia kurang mendapat perhatian.

Sejak awal Malaysia ditubuhkan terdapat murid-murid Sekolah Menengah dari kedua-dua negeri Sabah dan Sarawak ditempatkan di sekolah-sekolah di Semenanjung yang berasrama penuh. Begitu juga halnya di institusi-institusi pengajian tinggi

seperti Universiti Malaya, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Pertanian Malaysia. Pertukaran belia sering dilakukan, begitu juga halnya dengan rombongan-rombongan dan lawatan sambil belajar yang hampir kesemuanya anjuran Kerajaan sama ada Negeri atau Persekutuan. Oleh kerana perjalanan di antara Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung Malaysia hanya dengan menggunakan pesawat udara MAS, maka tentunya mereka yang berpendapatan tinggi dan ahli-ahli perniagaan sahaja boleh berulang-alik di antara kedua-dua tempat ini. Apakah halnya dengan orang ramai dan rakyat biasa yang ingin menjalini silaturahmi dengan rakyat yang ada di Sabah dan Sarawak, tentu sekali sukar oleh kerana tidak ada sistem perjalanan yang murah diwujudkan. Walaupun ada ura-ura untuk mengadakan feri udara, ini mungkin tidak sesuai kerana bayaran tambang mahal sebab jarak jauh di antara Timur dan Barat Malaysia ialah 400 batu.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengeratkan lagi tali persahabatan dan integrasi nasional di antara rakyat yang berada di Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia, saya mencadangkan supaya feri Malaysia diwujudkan dengan seberapa segera yang boleh oleh kerana faedahnya banyak. Di antaranya ialah ia akan memberi rakyat Malaysia tambang yang jauh lebih murah daripada apa yang ditawarkan oleh MAS. Ia boleh memberi kemudahan kepada rombongan-rombongan membuat lawatan sambil belajar secara kumpulan untuk tujuan melancong dan sebagainya. Oleh kerana kurang minat kita terhadap apa yang berlaku di Sabah dan Sarawak terutama adat resam orang-orang di sana maka dengan adanya perkhidmatan feri Malaysia ini, orang-orang Malaysia tidak perlu lagi melancong ke luar negeri, memadailah dengan

menggunakan feri Malaysia sebagai mini cruise, dengan izin, dengan disediakan kemudahan-kemudahan yang biasa terdapat di dalam kapal-kapal pelancongan. Feri Malaysia yang dicadangkan ini juga perlulah mempunyai kemudahan-kemudahan bilik mesyuarat, dewan seminar dan sebagainya bagi membolehkan syarikat-syarikat besar dan juga badan-badan Kerajaan dan swasta menggunakannya sambil-sambil melancong ke Sabah dan Sarawak dan begitu juga sebaliknya. Feri Malaysia juga boleh memperkenalkan konsep bercuti dengan membawa kereta sendiri dengan bayaran berpatutan untuk membolehkan kereta-kereta digunakan apabila sampai ke destinasi.

Sebagai percubaan feri Malaysia bolehlah mengadakan perkhidmatannya seminggu sekali dan apabila ianya popular bolehlah ditambah sehingga 2 atau 3 kali seminggu. Feri Malaysia akan memberi galakan kepada pertumbuhan dan pembangunan Pantai Timur Semenanjung Malaysia dengan menggunakan Pelabuhan Kuantan sebagai pintu masuk. Dengan adanya feri Malaysia, pelabuhan-pelabuhan Kuantan, Kuching dan Kota Kinabalu akan bertambah maju lagi, perhubungan di antara Kerajaan-kerajaan Sabah, Sarawak, Pahang dan Terengganu akan lebih mesra lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan, 1985.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Labis.

5.08 ptg.

Tuan Bahari bin Haron (Labis): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Belanjawan 1985 sepertimana yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 19-10-1984 yang lalu.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan yang telah berjaya merangka satu belanjawan yang boleh dianggap realistik dalam suasana ekonomi dunia yang tidak menentu ini. Ketiga-tiga strategi belanjawan sepertimana yang dikemukakan iaitu:

- (i) mengukuhkan imbalan pembayaran;
- (ii) mengukuhkan kedudukan belanjawan sektor awam dalam usaha mempertahankan pertumbuhan ekonomi yang berterusan dan kestabilan kewangan; dan
- (iii) menggalakkan pertumbuhan sektor swasta.

Pada pendapat saya, adalah kena pada masanya. Ini membuktikan kematangan dan kecekapan Kerajaan di dalam usaha Kerajaan untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang sihat dan stabil.

Tuan Yang di-Pertua, sambil saya menyanjung tinggi usaha-usaha Kerajaan membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat, saya suka menyentuh mengenai usaha-usaha Kerajaan untuk meningkatkan daya pengeluaran petani dengan membuka tanah baru dan membangunkan tanah-tanah yang sedia ada. Jumlah \$571 juta yang telah disediakan untuk agensi-agensi Kerajaan seperti FELDA, FELCRA dan sebagainya telah diperuntukkan untuk agensi-agensi tersebut dalam usaha-usaha ini, tetapi dalam konteks ini saya berharap pihak Kerajaan mestilah memberikan tumpuan kepada kampung-kampung lama ataupun kampung-kampung tradisional yang perlu mendapatkan perhatian supaya mereka yang tinggal di dalam kampung-kampung tradisional ini dapat memainkan peranan mereka untuk meninggikan pengeluaran. Masalah-masalah seperti penyelesaian harta pesaka, masalah

kekurangan tenaga pekerja di kampung-kampung mestilah mendapat perhatian yang serius daripada pihak Kerajaan supaya semua masalah-masalah ini dapat diatasi dengan segera.

Seperti rakan-rakan saya yang telah bercakap terlebih dahulu daripada saya, saya berpendapat bahawa peruntukan sebanyak \$173 juta untuk membina jalan-jalan luar bandar dan jalan kampung, \$76 juta untuk bekalan air luar bandar dan \$71 juta untuk bekalan elektrik luar bandar adalah terlalu kecil. Saya berharap pihak Kerajaan dapat menimbang semula akan peruntukan sepertimana yang saya sebutkan tadi oleh kerana masih banyak lagi kampung-kampung yang masih ketinggalan, masih mundur lagi disebabkan oleh tidak adanya infrastruktur-infrastruktur pembangunan seperti yang terdapat di kawasan-kawasan yang maju.

Saya berpendapat bahawa cara yang berkesan sekali untuk kita mengatasi masalah kemiskinan ialah dengan mendedahkan rakyat di luar bandar dengan peluang mendapatkan pelajaran dan usaha ini akan hanya berjaya jika sekiranya murid-murid di luar-luar bandar itu mendapat keperluan pelajaran yang sempurna oleh kerana kalau kita tinjau di kawasan-kawasan luar bandar begitu banyak sekali sekolah-sekolah yang tidak lengkap, yang kurang dengan tenaga pengajarnya, malahan ada sekolah-sekolah di mana terdapat murid-murid terpaksa berkongsi bilik-bilik darjah sehingga satu darjah ditempatkan dua kelas. Jadi, bayangkan bagaimana susahnya bagi guru-guru untuk mengajar murid-murid tersebut dengan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh sedikit mengenai galakan kepada industri yang berasaskan getah. Seperti rakan saya dari Ledang tadi, saya bersetuju ini adalah satu usaha yang baik oleh kerana dengan

adanya galakan seperti ini makin banyak lagi getah asli yang dapat diproses dalam negara, tetapi sambil kita memberikan galakan kepada sektor pemerosesan, kita juga perlu mengkaji penjualan getah kita ke luar negeri oleh kerana daripada pengalaman saya sendiri, saya telah dapat meninjau lebih kurang sedikit dari negara Jepun, Korea dan Taiwan di mana kebanyakan getah-getah yang diproses di negara-negara tersebut datangnya daripada Malaysia tetapi dibeli melalui negara-negara lain, seperti Singapura. Jadi kita perlu mengkaji apakah sebab-sebabnya mengapa kita sebagai negara pengeluar getah yang terbesar sekali tidak dapat memasarkan getah kita secara terus dengan negara-negara yang membeli getah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai penggalakan kepada sektor pelancongan sebagai satu usaha untuk mengukuhkan imbalan pembayaran. Pelancongan merupakan satu perkara yang telah diutarakan dalam Belanjawan yang lalu, tetapi sehingga ini saya rasa kemajuan yang dicapai walaupun dengan adanya insentif-insentif yang telah diberikan oleh Kerajaan, tidaklah begitu menggalakkan. Kita perlu mengkaji bagaimana negara-negara yang berasas ataupun yang bergantung kepada industri pelancongan seperti di Hawaii dan negara-negara lain yang selalu dikunjungi oleh pelancong-pelancong bagaimana mereka menggalakkan pelancongan di negara mereka. Negara Malaysia ialah sebuah negara yang kaya dengan alam semula jadi. Kita boleh mengadakan tempat-tempat yang sesuai yang boleh menarik pelancong-pelancong dari luar negeri.

Dalam hal ini, saya suka mencadangkan supaya kita kenal pasti kawasan-kawasan yang benar-benar boleh menarik pelancong-pelancong.

Sekarang ini saya percaya Kerajaan telah merangka strategi-strategi dalam usaha ini dan kita dapat saksikan bahawa kawasan-kawasan yang selalu dikunjungi oleh pelancong-pelancong, misalnya Langkawi di sebelah utara, pulau-pulau di Negeri Pantai Timur, gunung-ganang di Sabah dan Sarawak dan juga pantai-pantai yang indah di seluruh negara.

Dalam hal ini, di Negeri Johor misalnya, dalam kawasan KEJORA (Kawasan Pembangunan Johor Tenggara) terdapat satu kawasan pelancongan yang diusahakan oleh KEJORA, iaitu di Desaru di mana daripada trend yang telah di kaji, kebanyakan pelancong-pelancong yang datang adalah pelancong-pelancong daripada luar negeri. Boleh dikatakan 60% atau 70% daripada pelancong-pelancong yang mengunjungi Desaru itu terdiri daripada mereka yang datang daripada Singapura, Australia, New Zealand, Amerika dan sebagainya.

Dalam hal ini, apa yang ingin saya katakan ialah bahawa kita perlu mengkaji bagaimana kita dapat menarik mereka ini supaya datang lebih ramai lagi dengan mengadakan kemudahan-kemudahan, misalnya kemudahan perjalanan. Rakyat Singapura sendiri ramai datang ke Negeri Johor, tetapi banyak lagi yang hendak datang, kalau mereka tidak mahu datang pun ialah disebabkan oleh kesesakan ataupun "congestion" yang terdapat di Tambak Johor.

Satu cara untuk mengatasi masalah ini ialah dengan mengadakan jalan laut daripada Singapura sepertimana yang terdapat sekarang ini "the gazetted point of entry" ataupun "jalan masuk yang diwartakan oleh Kerajaan" ialah di Tanjong Pengelir di dalam kawasan pembangunan KEJORA yang boleh digunakan sebagai "point of entry" yang terus

pergi ke Changi Point di Singapura dalam masa perjalanan hanya lebih kurang satu jam sahaja ataupun kurang lagi. Jadi dengan cara ini kita dapat menggalakkan industri pelancongan di negeri Johor sepertimana yang saya katakan tadi dan saya rasa kita perlu mengkaji satu strategi yang benar-benar berkesan dalam soal kita hendak menggalakkan sektor pelancongan ini oleh kerana sektor ini memerlukan tenaga-tenaga yang mendapat latihan, yang berpengetahuan mengenai sektor ini dan saya mengesyorkan supaya mungkin kalau perlu ditambah lagi sekolah-sekolah ataupun maktab-maktab di mana pelancongan dijadikan satu mata pelajaran penting oleh kerana pelancongan merupakan satu aktiviti yang dapat mengukuhkan imbalan pembayaran negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh soal polarisasi kaum yang telah banyak diutarakan oleh setengah-setengah Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini. Dalam hal ini saya suka mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak Kerajaan yang telah mengamalkan dasar terbuka malahan soal polarisasi kaum ini ditimbulkan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Dato Timbalan Perdana Menteri beberapa bulan dahulu. Sikap ini menunjukkan bahawa Kerajaan sendiri menyedari akan masalah ini. Atas kesedaran ini Kerajaan perlulah mengambil langkah-langkah mengkaji masalah tersebut dengan secara terperinci. Apa yang perlu dalam soal menguatkan hubungan antara kaum ialah perasaan saling hormat-menghormati antara satu sama lain. Dalam konteks ini gejala-gejala yang tidak sihat yang mungkin menimbulkan salah faham di antara kaum perlulah kita kikis. Peribahasa-peribahasa dalam apa bahasa sekalipun, buku-buku yang menyentuh sensitivity satu-satu kaum dengan cara menghina hendaklah kita

kaji semula, kalau perlu dihapuskan kita hapuskan melalui saluran-saluran yang tertentu.

Dalam konteks ini saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian Dalam Negeri yang telah mengambil langkah baru-baru ini mengarahkan satu syarikat percetakan supaya membetulkan semula salah faham yang terkandung dalam sebuah buku yang telah dibangkitkan oleh setengah-setengah pihak yang tidak bersetuju dengan kandungan buku tersebut.

Kita sebagai rakyat Malaysia percaya bahawa ekstrimisme walau dalam apa bentuk sekalipun sama ada ianya ekstrimisme kebangsaan, racialism atau ekstrimisme keagamaan tidak boleh dibiarkan hidup dalam masyarakat majmuk seperti di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti juga rakan saya daripada Pekan tadi, saya bersama-sama dengan beliau bersetuju bahawa integrasi nasional terutamanya di dalam usaha kita hendak menggalakkan pertalian yang lebih erat di antara negeri-negeri di Semenanjung Malaysia dan negeri-negeri di Sabah dan Sarawak perlulah dikaji semula. Mungkin ada permasalahan-permasalahan sama ada ianya masalah politik ataupun masalah sosial yang perlu mendapat perhatian yang mungkin telah menimbulkan salah faham terutamanya di kalangan rakyat ataupun pemimpin-pemimpin di Sabah dan Sarawak sendiri. Saya percaya hanya dengan kesanggupan kita mencari jalan dengan cara yang terbuka, mencari kelemahan-kelemahan kita dan mencari jalan mengatasinya, hanya dengan cara itu sahajalah kita dapat mengatasi masalah ataupun jurang yang memisahkan kita di antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit mengenai soal pertahanan negara, memang banyak pihak yang berminat untuk ditambah perbelanjaan pertahanan. Tetapi walau banyak mana pun perbelanjaan pertahanan kita belanjakan, saya kurang yakin bahawa kita dapat membina sebuah ketenteraan yang benar-benar efektif oleh kerana segala-galanya dalam dunia hari ini telah bertambah sophisticated, malahan peperangan juga telah menjadi sophisticated dan kalau kita hendak mengejar sophistication di dalam pertahanan sudah tentulah pendapatan negara kalau kita curahkan kesemuanya sekalipun kita tidak dapat menandingi negara-negara yang telah lebih jauh maju daripada kita dalam soal pertahanan. Apa yang perlu sebagai sebuah negara kecil ialah supaya kita menjadi juara di dalam mencari usaha-usaha perdamaian. Commitment kita terhadap penubuhan satu kawasan bebas dan berkecuali adalah satu asas yang benar-benar dapat menjamin keselamatan negara kita. Ianya lebih bermakna lagi dalam jangka masa panjang kalau dibanding dengan perbelanjaan yang kita curahkan terhadap pertahanan negara yang sepatutnya kita gunakan untuk keperluan-keperluan lain seperti pelajaran, kesihatan, pembangunan luar bandar dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja hujah-hujah saya bagi menyokong Belanjawan 1985 dan saya mengucapkan berbilang terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, menggunakan Peraturan Mesyuarat 12 (2), saya menempohkan persidangan selama 20 minit.

Persidangan ditempohkan pada pukul 5.28 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.50 petang.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana tidak ada lagi Ahli-ahli yang hendak berucap, saya menjemput pihak Kerajaan

Tuan Gooi Hock Seng: (*Bangun*).

Timbalan Yang di-Pertua: Saya tidak dengar, Yang Berhormat.

Tuan Gooi Hock Seng: Saya hendak membuat ucapan tentang Belanjawan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat belum berucap lagi?

Tuan Gooi Hock Seng: Belum lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

5.10 ptg.

Tuan Gooi Hock Seng (Bukit Bendera): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk membahaskan Belanjawan 1985. Untuk tahun 1985, perbelanjaan Agensi-agensi Di Luar Belanjawan akan dikurangkan sebanyak \$1.5 billion iaitu kepada \$5.7 billion.

Pada tahun 1984 sahaja perbelanjaan Agensi-agensi Di Luar Belanjawan dijangka memuncak kepada \$7.2 billion yang merupakan 46% jumlah perbelanjaan sektor awam. Sekian lama ini Agensi-agensi Di Luar Belanjawan telah bertindak di luar kawalan dan pengawasan Kerajaan. Disebabkan ini telah berlaku salah pengurusan, pembaziran dan rasuah. Pada masa kini, kita tidaklah tahu jumlah Agensi-agensi Di Luar Belanjawan yang sedia dan ini adalah satu petanda buruk kerana Parlimen yang meluluskan peruntukan bagi agensi-agensi tersebut. Dan disebabkan ini, Parlimen haruslah

diberitahu akan perjalanan dan prestasi agensi-agensi tersebut kerana wang awam terlibat juga agensi-agensi tersebut harus membentangkan laporan-laporannya kepada Parlimen selepas diaudit oleh Ketua Audit Negara.

Agensi-agensi Di Luar Belanjawan hendaklah mempunyai rasa perakaunan awam, dengan izinnya, public accountability kerana mereka dibiayai oleh wang awam dan segala kegiatannya hendaklah memperoleh kelulusan Kerajaan terlebih dahulu untuk memastikan viability projek-projek yang bakal dilaksanakan benar-benar menguntungkan rakyat. Juga pihak Kementerian Kewangan hendaklah mengawasi perjalanan agensi-agensi berkenaan untuk mengelak berlakunya salah pengurusan, pembaziran dan rasuah. Agensi-agensi tersebut hendaklah juga diawasi untuk memastikan ia tidak melencong daripada matlamat-matlamat asalnya.

Umpamanya baru-baru ini PETRONAS telah mengambil alih Bank Bumiputra di mana pengambilan alih itu adalah jelas bertentangan dengan matlamat-matlamat PETRONAS yang ditubuhkan di bawah Akta Kemajuan Petroleum. PETRONAS ditubuhkan khususnya untuk menyertai dan mengeluarkan aktiviti-aktiviti yang bersangkutan paut dengan petroleum dan bukan banking. Ini adalah satu contoh ketara di mana sesuatu agensi di bawah Belanjawan telah melencong daripada matlamat dan berlagak seolah-olah ia tidak bertanggungjawab kepada sesiapa pun, pada hal mereka dibiayai oleh wang awam. Adalah dianggarkan bahawa PETRONAS dan anak-anak syarikatnya bernilai pada 31hb Mac, 1983 walaupun modalnya yang dibayar PETRONAS hanya \$10 ribu sahaja. PETRONAS dikatakan mempunyai 14 orang pengarah setakat 15hb Jun.

Menurut penyata tahunannya bagi tahun berakhir 31hb Mac, tahun 1983 dan emolumen atau gaji pengarah-pengarahnya adalah sebanyak \$1.4 juta dalam 1983. Ini bererti setiap orang sebenarnya menerima kira-kira \$8,422 setiap bulan. Ini tidak termasuk pinjaman-pinjaman yang diberikan kepada pengarah-pengarah untuk membeli rumah dan kenderaan yang berjumlah \$1.2 juta lagi. Perbelanjaan-perbelanjaan seumpama ini adalah amat berkocakan dan sudah sampai Agensi-agensi Di Luar Belanjawan termasuk PETRONAS dijadikan bertanggungjawab kepada Parlimen.

Tentang laporan sementara BMF laporan sementara penyiasatan ke dalam skandal BMF yang ditunggu-tunggu ini telah menghampakan rakyat Malaysia. Rakyat telah menduga bahawa laporan sementara tersebut akan mendedahkan segala-galanya berhubung dengan skandal BMF khasnya bagaimana satu skandal kewangan begitu besar boleh berlaku. Laporan sementara dan yang diharapkan itu tidak menyentuh apa-apa yang baru mengenai kerugian sebanyak \$2.4 billion itu. Malah misteri ke atas bencana kewangan masih tertutup lagi.

Jawatankuasa Penyiasatan Ahmad Noordin telah mengambil masa lebih lapan bulan untuk mengeluarkan sesuatu yang merupakan, dengan izin, "mere nothing". Sebahagian besar laporan tersebut mengandungi kenyataan-kenyataan yang tidak berlaku mengenai latarbelakang organisasi BMF tetapi faktor-faktor yang penting telah ditinggalkan seperti kegagalan untuk memberi butir-butir penuh mengenai pinjaman-pinjaman yang diberikan kepada Kumpulan Carrian dan Eda Investment. Ketinggalan yang penting, ketara sekali oleh laporan tersebut itu ialah kes Kevin Tsu, salah satu daripada tiga

peminjam-peminjam besar BMF. Pengecualian Kumpulan Kevin Tsu daripada penyiasatan menjadi lebih suspicious kerana mungkin Kevin Tsu telah memperolehi pinjaman yang lebih banyak berbanding dengan Eda Investment. Ingin saya bertanya Menteri Kewangan sama ada Kumpulan Kevin Tsu dikecualikan daripada pemeriksaan Jawatankuasa Penyiasatan Ahmad Noordin kerana isteri Kevin Tsu adalah sahabat karib beberapa orang pemimpin atasan Barisan Nasional. Adalah juga dikesalkan bahawa Lampiran "C" laporan tersebut telah diasingkan daripada pemeriksaan awam. Kerajaan mendakwa bahawa disebabkan Lampiran "C" mengandungi butir-butir mengenai akaun-akaun bulanan BMF, maka ia tidak boleh didedahkan kerana perbuatan sedemikian akan melanggar "confidentiality", dengan izin. Alasan ini tidak boleh diterima kerana Akta Bank Malaysia tidak boleh dipakai di Hong Kong dan disebabkan ini butir-butir penuh seperti "termed out" dalam Lampiran "C" hendaklah diumumkan dengan sepenuhnya.

Selepas membaca laporan sementara itu, kita akan mendapati bahawa laporan sementara itu hanya menyentuh salah satu daripada lapan syarat yang wujud, yakni sejauhmana dan jenis pinjaman-pinjaman dan kemudahan-kemudahan kredit yang diberi oleh BMF kepada Kumpulan Carrian dan Eda Investment Ltd. Nampaknya Jawatankuasa Penyiasatan Ahmad Noordin tidak menerima kerjasama Bank Bumiputra dan BMF dan atau kerana kekurangan rekod-rekod sepenuhnya mengenai betapa luasnya pinjaman-pinjaman dan kemudahan-kemudahan kredit yang diberi kepada Carrian dan Eda.

Laporan sementara Jawatankuasa Ahmad Noordin telah membuka semula dan menjadikan lebih

mendesak dan penting supaya satu Suruhanjaya Penyasatan Di-Raja ditubuhkan untuk menyiasat ke dalam segala aspek skandal BMF. Skandal BMF tidak boleh dibiarkan menjadi satu jenayah tanpa penjenayah.

Ahli dari Bagan Datok tadi telah dengan wajarnya mengingatkan Dewan ini mengenai pengorbanan Jalil Ibrahim berhubung dengan skandal BMF itu. Lebih-lebih lagi Ahli-ahli Dewan ini tidaklah sepatutnya membiarkan pengorbanan Jalil Ibrahim itu menjadi sia-sia sahaja. Dan ini bermakna pesalah-pesalah yang terlibat dalam skandal BMF hendaklah dihadapkan ke mahkamah. Encik Mak yang dituduh membunuh Jalil hanya adalah alat semata-mata dalam skandal BMF itu. Pesalah-pesalah lain yang besar dan benar-benar yang bersangkutan paut dalam skandal tersebut, mastermind-mastermindnya, manipulator-manipulator yang hampir menyebabkan keruntuhan BMF dan Bank Bumiputra hendaklah dibawa ke muka pengadilan dan tidak ada penghormatan yang lebih sesuai untuk mengenang jasa-jasa Jalil Ibrahim daripada menubuhkan satu Suruhanjaya Penyasatan Di-Raja yang akan menyelesaikan apa yang dimulakan oleh Jalil Ibrahim.

Timbalan Yang di-Pertua: Oleh sebab tidak ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak berucap, saya menjemput pihak Kerajaan untuk menjawab. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

6.01 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas minat yang ditunjukkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah

menyetuh tentang perkara-perkara di bawah bidangkuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak mahu menyetuh, saya ucapkan juga terima kasih kerana ini adalah satu tanda yang mereka juga menyokong secara senyap-senyap usaha-usaha Kementerian saya.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, saya tidak bercadang untuk menjawab satu persatu mengenai perkara yang mereka telah sentuh, sebaliknya saya akan memberi gambaran yang menyeluruh tentang program-program yang akan dijalankan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini yang merangkumi sebahagian besar daripada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah membangkitkan soal perumahan kos rendah. Kerajaan sememangnya memberi keutamaan kepada program perumahan awam kos rendah sejak di peringkat perancangan lagi. Ini adalah jelas daripada sasaran sebanyak 176,500 unit yang telah ditetapkan oleh Kerajaan bagi tempoh Rancangan Malaysia Keempat berbanding dengan sasaran sebanyak 73,000 unit di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Walau bagaimanapun, disebabkan oleh keadaan ekonomi yang tidak menggalakkan yang dialami oleh dunia dan negara ini khasnya maka pencapaian di sektor perumahan turut terjejas. Jumlah peruntukan sebanyak \$278 juta yang akan dibekalkan bagi perumahan awam kos rendah dalam tahun 1985 tidaklah boleh dianggap rendah setelah mengambil kira kedudukan wang negara kerana ianya cukup untuk membiayai projek-projek yang sedang dalam pelaksanaan sekarang. Prestasi sektor ini pada keseluruhannya juga perlu merangkumi bilangan rumah-rumah

yang sedang dan akan dibina melalui konsep pengswastaan yang sekarang ini telahpun mendapat sambutan baik daripada Kerajaan-kerajaan negeri dan pihak swasta. Berhubung dengan pelaksanaan program perumahan kos rendah secara pengswastaan, suka saya maklumkan bahawa setakat ini 8 buah negeri termasuk Wilayah Persekutuan telah atau sedang mengusahakan di dalam berbagai peringkat pelaksanaan iaitu melibatkan 48 buah projek yang mengandungi 30,632 unit rumah awam kos rendah.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani supaya lebih banyak rumah kos rendah diturunkan harganya daripada \$25,000 ke \$15,000 ataupun \$20,000. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga \$25,000 adalah harga maksima yang ditetapkan oleh Kerajaan bagi rumah-rumah kos rendah. Sekiranya ada pengusaha-pengusaha yang hendak membina rumah itu kurang daripada \$25,000 kecil tapak tangan, nyiru Kerajaan tadahkan. Walau bagaimanapun, pada kebiasaannya rumah-rumah kos rendah yang dibina oleh Kerajaan adalah berharga di antara \$18,000 hingga \$25,000. Di kawasan-kawasan tertentu harga rumah kos rendah adalah kurang daripada \$18,000 seunit, dengan yang demikian adalah tidak perlu bagi Kerajaan untuk menurunkan harga rumah kos rendah ke \$15,000 atau \$20,000 kerana harga rumah kos rendah sekarang pun adalah dalam lingkungan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan supaya kadar sewaan rumah kos rendah dihadkan di antara \$50.00 hingga \$70.00, adalah dimaklumkan bahawa bayaran sewa bagi rumah kos rendah yang dilaksanakan di dalam Rancangan Malaysia Keempat adalah berdasarkan kepada kos bangunan dan tanah. Pada kebiasaannya pihak

Kerajaan akan menanggung sepenuhnya kos infrastruktur setelah diambil kira perkara ini dan juga kos penyelenggaraan, kadar sewa yang dikenakan sekarang ini adalah cukup berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pembukaan kawasan-kawasan baharu berhampiran dengan kawasan setinggan bagi tujuan penempatan semula setinggan-setinggan, adalah dimaklumkan bahawa perkara ini sememangnya diberi perhatian berat oleh Kerajaan Pusat dan juga Kerajaan Negeri. Perancangan perumahan sentiasa mengambil kira masalah setinggan termasuk mewujudkan program-program penempatan semula kawasan-kawasan setinggan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Seratok telah mencadangkan bahawa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengambil alih peruntukan perumahan bagi bumiputera yang masih belum dapat dijual. Kementerian saya memang sedar bahawa terdapatnya rancangan-rancangan perumahan swasta yang tergendala kerana peruntukan perumahan bagi bumiputera masih belum dapat dijual. Walau bagaimanapun, Kementerian saya tidak bercadang untuk mewujudkan satu bahagian khas untuk mengelolakan perkara ini. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, dasar Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ialah untuk mengutamakan rancangan-rancangan perumahan awam kos rendah. Projek-projek perumahan yang tergendala itu adalah rumah-rumah yang mana hampir kesemuanya dari jenis yang mahal. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat masalah rumah yang dikhaskan untuk bumiputera tidak terjual ini memang sedang diuruskan oleh Kerajaan Negeri yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pembinaan rumah-rumah di kawasan luar bandar supaya harga tersebut benar-benar murah dan mampu dibeli oleh golongan berpendapatan rendah. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memang ada melaksanakan program perumahan awam kos rendah di kawasan luar bandar yang memerlukan rumah-rumah ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Pelabuhan Kelang ada mencadangkan bahawa pihak Kerajaan harus menimbangkan satu Akta bagi mengawal sewa rumah-rumah terutama bagi bandar-bandar demi kepentingan golongan yang berpendapatan rendah. Kemungkinan besar bahawa dengan adanya Akta seperti ini dapat mengelakkan daripada timbulnya keadaan di mana ada orang yang akan mengambil kesempatan menaikkan kadar sewa rumah dengan sesuka hati semata-mata untuk mendapat keuntungan. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, adalah perlu bagi Kementerian mengkaji perkara ini dengan sedalam-dalamnya, dengan mengambil kira aspek-aspek sosial dan juga ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari lambir telah mencadangkan potongan cukai ke atas perbelanjaan bagi maksud kebersihan dan pengindahan. Pengecualian cukai terhadap setiap sumbangan yang diberikan kepada Penguasa-penguasa Tempatan untuk tujuan projek kebersihan dan pengindahan kawasan adalah merupakan satu langkah yang baik, yang perlu dialu-alukan oleh semua pihak. Malah dirasakan bahawa langkah ini merupakan satu langkah untuk menggalakkan pihak-pihak yang tertentu, khususnya bagi pihak swasta melibatkan diri dalam projek-projek kebersihan dan pengindahan kawasan. Dengan adanya langkah ini adalah dijangkakan syarikat-syarikat swasta dan orang ramai akan lebih

berminat untuk menyumbangkan tenaga dan kewangan mereka untuk membersihkan dan mengindahkan kawasan-kawasan di bawah pentadbiran Penguasa-penguasa Tempatan.

Walaupun kini sudah ada syarikat-syarikat tertentu yang memberikan sumbangan dalam hal ini, tetapi jumlahnya tidaklah begitu banyak. Oleh itu setelah pengecualian ini benar-benar dilaksanakan nanti, adalah dijangka keadaan ini akan berubah dan saya berharap dan saya menyeru kepada syarikat-syarikat yang berkebolehan, syarikat-syarikat yang berkemampuan untuk tampil ke hadapan dan menderma kepada Penguasa-penguasa Tempatan kerana baru-baru ini, sepertimana kita semua mengetahui, Yang Berhormat Menteri Kewangan kita telah pun memberi pelepasan cukai dan dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya bacakan ini di bawah Seksyen 44 (6) Akta Cukai Pendapatan, 1967:

“Potongan cukai adalah diberikan untuk sumbangan wang yang diberi kepada Kerajaan, Kerajaan Negeri atau institusi atau organisasi yang diluluskan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri. Di bawah undang-undang sekarang, Kerajaan Tempatan tidak dirangkumi dalam takrif Kerajaan atau Kerajaan Negeri.

Untuk membolehkan sumbangan wang kepada Kerajaan Tempatan dikecualikan daripada cukai, terutama sekali sumbangan bagi maksud kebersihan dan pengindahan, adalah dicadangkan supaya Seksyen 44 (6) Akta Cukai Pendapatan, 1967 dipinda dengan memasukkan perkataan “Local Authority” selepas perkataan “State Government”. Cadangan ini akan berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1985.”

Dengan ini saya berharap sangatlah syarikat-syarikat yang berkemampuan ini akan tampil ke hadapan untuk menolong Kerajaan Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sebelum ini telah pun berusaha untuk mendapatkan pengecualian cukai terhadap projek-projek kebersihan dan pengindahan kawasan ini. Kajian-kajian yang agak terperinci telah dijalankan di Penguasa-penguasa Tempatan dan kemudiannya satu Kertas Kerja mengenainya telah disediakan dan telah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan pada bulan Julai, tahun 1983 dan dengan tujuan mendapatkan pengecualian cukai terhadap sumbangan untuk projek kebersihan dan pengindahan kawasan. Alhamdulillah, dalam tahun 1985 kita berharap ini akan dapat dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih di atas semua cadangan dan teguran yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Tetapi sebelum saya duduk, tadi timbullah pula satu ilham kerana Ahli Yang Berhormat dari Sarawak telah pun bertanya tadi berkenaan dengan rumah kos rendah di negeri Sarawak.

Kepada beliau dan kepada rakyat di negeri Sarawak, ingin saya memberi serangkai pantun:

Negeri Sarawak bukan sebarang negeri,

Negerinya kaya dengan hutan belantara;

Janganlah Ahli Yang Berhormat risau, janganlah negeri,

Perumahan negeri Sarawak sudah diambil kira.

Akhir sekali, sebelum saya duduk, Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian untuk

membahaskan perkara-perkara yang menyentuh Kementerian saya. Terima kasih sekali lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada lagi Menteri yang hendak menjawab bagi pihak Kerajaan? Sila Yang Berhormat.

6.18 ptg.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato Mohammad Yahya bin Lampong): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh dan membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian saya, khususnya soal-soal pembangunan, kemudahan-kemudahan asas di kawasan-kawasan luar bandar serta juga projek-projek pembangunan Jabatan atau agensi di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, memanglah menjadi hasrat Kerajaan dan Kementerian ini untuk sentiasa berusaha memenuhi permohonan rakyat dalam bidang infrastruktur yang memang diperlukan oleh setiap rakyat terutamanya rakyat di luar bandar. Walau bagaimanapun, hasrat tersebut akan dilaksanakan tertakluk kepada kemampuan tenaga dan kewangan.

Sementara Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar membuat pembangunan di kawasan-kawasan luar bandar, terutamanya penyusunan semula kampung-kampung, penyediaan kemudahan-kemudahan asas seperti jalan-jalan luar bandar dan jalan-jalan kampung; bekalan air paip dan api elektrik, soal-soal pembangunan sikap masyarakat kita juga adalah menjadi soal pokok. Rakyat luar bandar seharusnya berusaha untuk meninggikan taraf hidup mereka

dengan menggunakan kemudahan-kemudahan yang telah disediakan oleh Kerajaan dengan cara yang moden dan menghidupkan semangat gotong-royong dan bekerja bersama-sama di antara mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli yang telah membuat cadangan dan teguran mengenai dengan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar terutama sekali Yang Berhormat-Yang Berhormat dari Mas Gading, Padang Rengas, Jerai, Parit, Tawau, Padang Serai, Tampin, Ulu Rajang, Kimanis dan juga Labis, secara amnya telah menyentuh soal-soal pembangunan bekalan air luar bandar, bekalan elektrik luar bandar, jalan luar bandar dan juga jalan-jalan kampung yang masih belum memuaskan baik di Semenanjung mahu pun di Sabah dan Sarawak khususnya Kementerian yang bertanggungjawab iaitu Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Tuan Yang di-Pertua, kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan, inginlah saya menyatakan di sini bahawa adalah menjadi hasrat Kerajaan untuk mengadakan kemudahan-kemudahan asas seperti jalanraya, bekalan air dan bekalan elektrik di semua kawasan-kawasan luar bandar di seluruh negara ini. Walau bagaimanapun, pelaksanaan kemudahan-kemudahan asas ini haruslah dilakukan dengan cara teratur dan berperingkat-peringkat. Memanglah benar bahawa peruntukan kepada Kementerian ini telah dikurangkan sejak 1983, apabila ekonomi negara tidak begitu menggalakkan. Namun begitu pengurangan ini bukan hanya dilakukan ke atas Kementerian ini sahaja malahan kepada sektor-sektor lain. Walaupun pengurangan ini

berlaku tetapi ianya tidak pula terlalu menjejaskan pelaksanaan projek-projek infrastruktur di luar bandar.

Tertakluk kepada kewangan yang ada, Kementerian saya sedaya upaya cuba mengagihkan peruntukan di setiap negeri dengan seadil-adilnya. Kerajaan akan berikhtiar untuk mempercepatkan kemudahan-kemudahan asas di luar bandar di seluruh negara tidak kira sama ada kawasan-kawasan itu diwakili oleh satu-satu kaum sahaja seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Mas Gading.

Mengenai teguran Yang Berhormat dari Tampin, Kementerian ini akan meminta kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri supaya sentiasa menjaga dan menyelenggarakan jalan-jalan yang ada khususnya jalan-jalan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan cadangan Ahli dari Padang Rengas, Kerajaan akan menambah lagi jumlah peruntukan untuk projek-projek infrasarana di luar bandar, kerana yang diluluskan itu terlalu kecil iaitu \$193 juta. Saya akui bahawa wang tidak cukup untuk Kementerian ini untuk mengadakan projek-projek infrasarana di luar bandar itu sekali gus. Soal kecukupan wang ini ianya tidak akan tercapai bila-bila masa jua pun, kerana wang adalah sesuatu yang tidak mungkin cukup. Jadi Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar akan terus berusaha untuk menggunakan wang yang ada itu dengan sebaik-baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Sungai Petani dan Ahli Yang Berhormat dari Ulu Rajang telah menyarankan supaya barang-barang kraftangan dipasarkan di luar negeri, tidak hanya terbatas di dalam negeri sahaja. Kepada Ahli Yang Berhormat yang berkenaan, saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana ini menunjukkan bahawa yang

sedang dilakukan oleh bahagian industri kampung Kementerian ini adalah mendapatkan sokongan daripada Ahli Yang Berhormat berkenaan. Kepada Ahli Yang Berhormat tersebut, inginlah saya tegaskan di sini bahawa Kementerian saya memanglah berhasrat untuk memperluaskan pasaran barang-barang kraftangan hingga ke luar negeri. Walau bagaimanapun, sebelum pasaran barangan kraftangan diperluaskan ke luar negeri, beberapa perkara perlu diambil perhatian supaya barang kraftangan kita dapat bertanding dengan barang-barang kraftangan lain-lain negara seperti bekalan yang berterusan dan banyak, kualiti yang tinggi dan reka corak yang menarik. Di samping itu perhatian perlu diberi kepada kemampuan pengusaha-pengusaha kita memenuhi permintaan kita di dalam dan di luar negeri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak Kementerian saya memberi perhatian yang serius kepada usaha meningkatkan pengeluaran dan pemasaran barang kraftangan, pasaran dalam negeri telah meningkat dengan begitu menggalakkan sehingga pengusaha-pengusaha kraftangan kita, tidak dapat mengeluarkan barang kraftangan mengikut kuantiti yang dikehendaki oleh pembeli-pembeli mengikut masa-masa yang tertentu. Kementerian saya sedang mengambil langkah untuk mengatasi masalah ini dengan memperkenalkan mesin-mesin yang murah dan mudah agar pengeluaran mereka dapat dipertingkatkan dan kualiti dapat ditinggikan.

Selain daripada itu, Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia juga sedang berusaha untuk mempamerkan hasil kraftangan daripada negeri luar sebagai contoh, dengan tujuan untuk menaikkan semangat masyarakat luar bandar untuk mengeluarkan hasil-hasil yang cukup dan bermutu bagi

pasaran antarabangsa. Pihak Kementerian menyedari bahawa dengan adanya masa yang terluang dan ada kalanya kerana tidak ada kerja ataupun kadang kalanya untuk menghabiskan masa tua, banyak penduduk di luar bandar sekarang ini yang boleh mengambil kesempatan ini untuk membuat kerja kraftangan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara-perkara yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Betong yang menggesa Kerajaan supaya memperluaskan lagi pengeluaran hasil kraftangan, pasaran dan kawalan mutu keluaran barang-barang kraftangan di Sarawak, di sini adalah ditegaskan bahawa bagi Sarawak adalah juga seperti di Semenanjung. Kementerian saya memberi kemudahan untuk menggalakkan pengeluaran hasil-hasil kraftangan dan industri kampung, pemasaran dan pengawalan mutu untuk menambahkan pendapatan rakyat di Sarawak. Berdasarkan kepada barangan yang dijual di gerai-gerai negeri di pusat di Karyanika di Kuala Lumpur, jelas menunjukkan bahawa Sarawak telah berjaya mengeluarkan barang kraftangan yang bermutu tinggi sehinggakan dari segi jumlah jualan, negeri Sarawak sentiasa mengatasi gerai-gerai negeri yang lain.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berkenaan dan Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam dewan yang mulia ini, pihak Kementerian sebagai menyahut seruan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, telah menubuhkan Syarikat Pemasaran Karyanika Sdn. Bhd. yang dimiliki bersama oleh koperasi KEMAS, MARA dan Batik Malaysia Bhd. bagi memasarkan hasil-hasil kraftangan daripada luar bandar.

Ahli Yang Berhormat dari Julau menyentuh tentang pengeluaran dan pemasaran batik-batik tiruan yang mungkin boleh menjejaskan nama baik industri batik. Kepada Ahli Yang

Berhormat berkenaan, inginlah saya menyatakan bahawa Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar melalui agensi pemasarannya iaitu Batik Malaysia Bhd. sentiasa berusaha supaya mutu batik yang dijual adalah tinggi. Batik-batik yang dihasilkan oleh pembatik-pembatik tempatan melalui pengawasan Batik Malaysia Bhd. di kawal mutunya. Bagaimanapun tentang kain-kain batik tiruan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, adalah diakui bahawa memang ada syarikat-syarikat textile tempatan yang mengecap kain seolah-olah bercorak batik dengan menggunakan mesin, kain-kain ini kalau dibandingkan dengan batik sebenarnya memanglah rendah mutunya. Selain daripada itu terdapat pula lain-lain batik sarong yang kurang bermutu dibawa masuk dari negara-negara jiran. Kementerian saya tidak terlibat dalam soal kawalan ke atas dua jenis kain batik yang disebutkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tampin telah melahirkan rasa tidak begitu setujunya tentang cara pelaksanaan rancangan

kampung berkelompok yang telah menugaskan Kerajaan-kerajaan Negeri iaitu Pejabat Daerah untuk menguruskan pelaksanaan projek tersebut. Ahli-ahli Yang Berhormat, rancangan kampung berkelompok adalah lebih dikenali sebagai rancangan pembangunan kampung dan luar bandar dan baru sahaja dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 10hb April, 1984.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, mesyuarat hendaklah ditangguhkan sekarang dan Yang Berhormat boleh sambung semula esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu sekarang pukul 6.30 petang. Mesyuarat ditangguhkan dan Dewan akan bersidang semula pada pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.